

**PERANAN GALERI DATO ONN
SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN TIDAK FORMAL DI
BATU PAHAT, JOHOR DARUL TAKZIM**

**MUHAMAD GHAZALI BIN MAHAT
C19A0252**

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PERANAN GALERI DATO ONN
SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN TIDAK
FORMAL DI BATU PAHAT, JOHOR**

OLEH

MUHAMAD GHAZALI BIN MAHAT

C19A0252

Projek Penyelidikan yang dijalankan ini adalah untuk melengkapkan dan memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan


Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan**

2023

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.




AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh)



SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.



TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan.

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti yang berikut :

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan Oleh :

Tandatangan Pengkaji

Nama : Muhamad Ghazali Bin Mahat

Tarikh : 23 Februari 2023

DR. SURAYA SUKRI
Senior Lecturer,
Department of Media Studies
Faculty of Creative Technology and Heritage
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
16300, Kelantan, Malaysia

Tandatangan Penyelia

Nama : Dr. Suraya Binti Sukri

Tarikh : 28/2/2023

PENGHARGAAN

Bissmillahirrohmanirrohim, alhamdulilah syukur ke hadrat illahi Allah S.W.T, kerana dengan limpah dan kurnianya, saya dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya meskipun menempuh pelbagai cabaran dan rintangan. Alhamdulilah jutaan terima kasih kepada ibu dan ayah iaitu Puan Siti Zahrah Binti Sariman dan Encik Mahat Bin Md Salleh yang sentiasa mendoakan kejayaan, dorongan, serta bantuan yang amat saya perlukan dalam menyiapkan tesis ini. Segala pengorbanan yang dilakukan ini akan saya sanjungi, menghargai dan sentiasa diingati selalu.

Di kesempatan ini, saya selaku pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Suraya Binti Sukri, selaku penyelia tesis dan pensyarah saya di atas dorongan tunjuk ajar, nasihat, sokongan, kesabaran dan bimbingan yang telah diberikan kepada saya telah banyak membantu dalam penghasilan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada pensyarah elektif Warisan Budaya serta barisan pensyarah dibawah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang sudi memberikan tunjuk ajar dan berkongsi ilmu berkaitan dengan penyelidikan yang sedang dijalankan ini.

Terima kasih kepada pihak Galeri Dato Onn, kerana telah banyak menyalurkan maklumat yang penting dan berguna berkaitan dengan institusi pendidikan tidak formal di Galeri Dato Onn. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua orang sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sokongan dan cadangan saya untuk menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat menjadi sumber rujukan dan wadah ilmu pengetahuan yang berguna untuk masyarakat dan negara pada masa yang akan datang.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii-vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI GAMBAR	vii-viii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1-2
1.1 Latar belakang kajian	3-5
1.2 Permasalahan kajian	5-6
1.3 Persoalan kajian	7
1.4 Objektif kajian	7
1.5 Skop kajian	7-9
1.6 Kepentingan kajian	10-11
1.7 Penutup	12
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.0 Pengenalan	13
2.1 Definisi kajian	13
2.1.1 Galeri dan Muzium	13
2.1.2 Organisasi	14
2.1.3 Pendidikan Tidak Formal	14-15

2.2	Sejarah muzium dan galeri	15
	2.2.1 Jenis-jenis Muzium dan Galeri	16
	2.2.2 Galeri Dato Onn, Batu Pahat, Johor	17
2.3	Pengurusan organisasi	17
2.4	Peranan muzium dan galeri	18-21
	2.4.1 Pusat Pendidikan	22-23
	2.4.2 Institusi Pendidikan Tidak Formal	23
	2.4.3 Menganjurkan Seminar.	24
2.5	Cabaran pengurusan muzium dan galeri	24
	2.5.1 Kurangnya Pendedahan kepada Masyarakat.	25
	2.5.2 Perkembangan Teknologi terkini	25
2.6	Teori watkins dan marsick (pendidikan tidak formal)	26-27
	2.6.1 Ciri teori Watkins dan Marsick	27-28
2.7	Penutup	29

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	30
3.1	Pendekatan kajian	30-31
3.2	Rekabentuk kajian	31
	3.2.1 Kaedah Kualitatif	31-32
3.3	Pengumpulan data	32
	3.3.1 Sumber Primer	32-33
	3.3.2 Sumber Sekunder	34-36
3.4	Persampelan	37
3.5	Instrumen kajian	37-38
3.6	Analisis kajian	38-39
3.7	Penutup	40

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	41
4.1	Pengurusan organisasi Galeri Dato Onn	41
	4.1.1 Sejarah awal kewujudan Galeri Dato Onn	41-45
	4.1.2 Struktur organisasi Yayasan Warisan Johor dan Galeri Dato Onn	45-51
	4.1.3 Transisi fungsi galeri	52-55
4.2	Peranan galeri sebagai institusi pendidikan tidak formal	56
	4.2.1 Definisi Institusi Pendidikan Tidak Formal	56-59
	4.2.2 Aktiviti program yang pernah dijalankan di Galeri Dato Onn	59-69
	4.2.3 Sebagai sumber rujukan dan panduan kepada masyarakat setempat.	69-74
4.3	Cabaran galeri dalam menjadi institusi pendidikan tidak formal	74-76
	4.3.1 Kekuatan	76-79
	4.3.2 Peluang	79-81
	4.3.3 Kelemahan	81-83
	4.3.4 Ancaman	83-84
4.4	Penutup	85

BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	86
5.1	Cadangan	86
	5.1.1 Meningkatkan penggunaan teknologi moden seperti media sosial.	86-87
	5.1.2 Mengunsurkan cadangan penambahan kakitangan Galeri Dato Onn khususnya pada bahagian konservasi koleksi dalam usaha ke arah institusi pendidikan tidak formal yang lebih efisen.	87-88
5.2	Kesimpulan	88

RUJUKAN	89-91
LAMPIRAN (APPENDIX A)	92-93
SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN PENYELIDIKAN (APPENDIX B)	94
LATAR BELAKANG INFORMAN (APPENDIX C)	95
TRANSKRIP TEMUBUAL	95-100

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

NO		HALAMAN
Rajah 1.5	Peta Daerah dan lokasi Galeri Dato Onn Batu Pahat, Johor	8
Rajah 2.3	Carta Organisasi Yayasan Warisan Johor (YWJ)	21
Rajah 3.3	Rekabentuk Kajian yang perlu dijalankan oleh pengkaji	36
Rajah 3.6	Enam langkah analisis tematik	39
Rajah 4.1	(a) Pelan Struktur Bangunan Galeri Dato Onn	44
	(b) Bahagian yang terdapat dalam Yayasan Warisan Johor	47
	(c) Carta Organisasi bahagian pemuziuman di Yayasan Warisan Johor	48
	(d) Tugas-tugas yang dijalankan di bawah tanggungjawab bahagian pemuziuman.	49
	(e) Susur jalur keturunan Dato Onn Jaafar	55
Rajah 4.2.1	Kategori dalam definisi pendidikan tidak formal	56
Rajah 4.2.2	Program dan aktiviti yang dijalankan mengikut peringkat fasa.	60
Rajah 4.3	Berikut merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh Galeri Dato Onn dalam SWOT.	75

SENARAI GAMBAR

NO		HALAMAN
Gambar 1.5	(a) Kawasan di hadapan pintu masuk dan sekitar luar Galeri	9
	(b) Kawasan dalam Galeri Dato Onn Batu Pahat	10
Gambar 4.1	Kawasan luar Pejabat Yayasan Warisan Johor di Johor Bahru	45
Gambar 4.2.2	(a) Kunjungan dari Unit Pembangunan Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat pada 18 Julai 2018	62
	(b) Notis penutupan sementara premis di bawah pentadbiran	65

Yayasan Warisan Johor berkuatkuasa pada 18 Mac 2020

sehingga 31 Mac 2020

(c) Lawatan dan Program khidmat masyarakat pelajar SMK Dato 66

Jaafar dan Sukarelawan Darul Takzim di Galeri Dato Onn

(d) Anjuran Pejabat Belia dan Sukan Daerah Batu Pahat yang 67

ditutup secara rasmi oleh Tuan Haji Halim B. Hasbullah

Pegawai Daerah Batu Pahat.

Gambar 4.2.3 (a) Pelajar SMK Tinggi Batu Pahat dan SMK Dato Bentara Luar 72

Batu Pahat kerana mengunjungi galeri bagi membuat kajian
sejarah.

(b) Kehadiran keluarga yang datang ke Galeri Dato Onn semasa 74

sesi temubual bersama pengkaji.

Gambar 4.3.1 (a) Pengkaji berada di hadapan bangunan Galeri Dato Onn 77

(b) Suasana di sekitar kawasan luar Galeri Dato Onn 78

Gambar 4.3.3 (a) Kawasan di luar Galeri Dato Onn dengan landskap tanaman 83

tumbuh-tumbuhan

Peranan Galeri Dato Onn Sebagai Pendidikan Tidak Formal, Di Batu Pahat, Johor

Abstrak

Kajian ini di jalankan adalah bertujuan untuk mengetahui peranan Galeri Dato Onn sebagai pendidikan tidak formal di daerah Batu Pahat, Johor. Galeri Dato Onn ini dipilih kerana ia merupakan salah satu institusi yang bertanggungjawab dalam memelihara dan memulihara warisan budaya khususnya di daerah Batu Pahat, Johor yang mempunyai keunikannya tersendiri. Untuk pengetahuan umum, mengapa pengkaji berminat untuk menjalankan kajian berkenaan tentang pendidikan tidak formal adalah kerana Galeri Dato Onn merupakan satu-satunya institusi yang menjalankan aktiviti warisan budaya di daerah Batu Pahat dibawah penyelenggaran Yayasan Warisan Johor. Oleh itu, Kajian ini juga akan lebih tertumpu kepada mengkaji peranan Galeri Dato Onn sebagai institusi pendidikan tidak formal. Bukan itu sahaja, penyelidikan ini juga akan turut menganalisis cabaran yang dihadapi oleh Galeri Dato Onn sebagai institusi pendidikan tidak formal di Batu Pahat. Hal ini kerana, peranan serta cabaran yang dihadapi oleh Galeri Dato Onn sebagai institusi pendidikan tidak formal perlu diberikan perhatian supaya institusi ini dapat menjadi sumber rujukan serta memberikan ilmu pengetahuan luas kepada orang ramai dalam memelihara serta memulihara warisan budaya yang terdapat di negeri Johor. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif sebagai sumber dapatan kajian yang mengfokuskan kepada informen dalam sesi temubual. Hasil dapatan kajian, Galeri Dato Onn merupakan institusi pendidikan tidak formal yang diselengara oleh Yayasan Warisan Johor, pelbagai aktiviti serta program telah banyak dijalankan di Galeri Dato Onn dengan kerjasama daripada pihak luar seperti Sekolah-sekolah Kerajaan dan persatuan bukan kerajaan (NGO). Keadaan ini telah banyak memberikan pendedahan kepada masyarakat setempat berkenaan warisan budaya yang terdapat di Daerah Batu Pahat serta menjadi tempat rujukan kepada orang awam untuk menimba ilmu berkenaan sejarah.

Kata Kunci : Cabaran, Ilmu, Kaedah Kualitatif, Memelihara, Memulihara, Ngo, Pendidikan tidak formal, Peranan, Sejarah, Sumber rujukan.

The Role of Dato Onn Gallery as an Informal Education Institution in Batu Pahat, Johor

Abstract

This study was conducted to find out the role of the Dato Onn Gallery in informal education in Batu Pahat district, Johor. Dato Onn's gallery is selected because it is one of the institutions responsible for preserving and conserving cultural heritage in Batu Pahat district, Johor. The researcher is interested in carrying out this study because it is the only institution which actively upholds the cultural activities in the district of Batu Pahat under the maintenance of Yayasan Warisan Johor. Therefore, this study has focused on examining the role of the Dato Onn Gallery as an informal educational institution. Not only that, but this research will also analyze the challenges faced by Galeri Dato Onn as an informal educational institution in Batu Pahat. This is because the role and challenges faced by Dato Onn Gallery as an informal education institution which need to be given attention so that this institution can become a resource centre for the public as well as provide extensive knowledge to the public in preserving and conserving the cultural heritage found in the state of Johor. In this study, the researcher used qualitative methods as a method of data collection that focused on informants in the interview session. The result shows that Galeri Dato Onn is an educational informal educational institution organized by Yayasan Warisan Johor. Various activities and programs have been carried out at the Dato Onn Gallery with the collaboration of stakeholders such as government schools and non-governmental organizations (NGOs). This situation has provided exposure to the local community regarding the cultural heritage found in Batu Pahat Johor which eventually become a reference point for the public to learn more about their history.

Keywords: Challenge, Knowledge, Qualitative Method, Conserve, NGO, Non-formal education, Role, History, Reference sou

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Menurut Abdul Talib, Abdul Ghani dan Yusuff (2019), menyatakan bahawa muzium adalah jabatan, lembaga atau perbadanan yang bersifat tetap, ia berfungsi bukan untuk mencari keuntungan tetapi memberikan khidmat kepada masyarakat serta mempunyai peranan penting. Pelajar akan menerima pelbagai faedah daripada pengajaran sekolah di muzium. Oleh kerana koleksinya yang unik, pendidikan muzium akan menyediakan pelajar dengan rasa tujuan dan galakan yang kuat. Pendidikan di muzium telah sebagai "Muzium Pendidikan" (Abdul Talib, Abdul Ghani and Yusuff, 2019). Oleh itu, jelaslah muzium adalah satu perbadanan yang tetap, mempunyai peranan tersendiri terutamanya sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal.

Muzium dan galeri merujuk kepada bangunan tempat menyimpan khazanah sejarah purba atau yang lalu. Muzium penting sebagai tempat kita memperdalam pengetahuan tentang sejarah masa lampau. Banyak dari masyarakat kurang berminat untuk datang ke muzium (Hamzah and Utomo, 2016). Muzium sememangnya memberikan kesan yang sangat besar kepada warisan budaya atau khazanah negara. Pembinaan muzium dan galeri secara tidak langsung membantu negara dalam mempertahankan warisan masyarakat yang ada. Perubahan zaman dengan perkembangan teknologi pada masa kini telah membuatkan pengkaji berminat untuk mengetahui cara yang terbaik untuk masyarakat hadir ke muzium melalui pembelajaran secara tidak formal.

Peranan muzium kepada negara ialah menjalankan peranan mengumpul, menjaga, merawat, memelihara, memulihara dan menjaga warisan budaya sedia ada. Ia sangat membantu dalam mengajar dan menyedarkan orang ramai tentang kepentingan memahami secara khusus sejarah berkaitan bangsa melalui banyak peristiwa terutamanya

sepanjang perjuangan meraih kemerdekaan negara menurut (Ahmad, 2019). Oleh itu, jelas bahawa muzium dan galeri ini merupakan institusi terpenting bagi kerajaan. Pengkaji sangat meminati untuk mengkaji dengan lebih dalam lagi bagaimana kaedah mengumpul, menjaga dan merawat yang dijalankan di Galeri Dato Onn, Batu Pahat. Johor.

Perubahan zaman daripada klasik ke moden telah sedikit sebanyak merubah pandangan masyarakat berkenaan peranan yang dimainkan oleh institusi muzium di Malaysia. Di eropah, terdapat satu kaedah komunikasi dua hala dalam pusat pembelajaran mereka yang pernah diamalkan dan di praktikkan di Greek hingga kepadanya penubuhan institusi “Cabinet of Curiosity”. Institusi “Cabinet of Curiosity” ini telah banyak menempuh era perubahan evolusi bermula daripada fasa pembangunan sehingga kepadanya peranan dan fungsinya yang dimainkan dalam memperagakan koleksi yang ada dan dipamerkan kepada masyarakat umum (Yusof, Mohd Azmi bin Mohd, 2012). Pembelajaran di sekolah melalui subjek sejarah masih lagi tidak dapat membangkitkan semangat nasionalisme dikalangan pelajar-pelajar sekolah dan masyarakat awam. Oleh itu, peranan muzium sebagai pusat pendidikan tidak formal seharusnya memberikan impak positif. Hal ini demikian kerana, pameran dan koleksi yang ada di muzium atau galeri mampu menarik sedikit minat pelajar untuk lebih menerokai khazanah, artifik dan monument yang ada di negara ini berbanding hanya belajar di dalam kelas dan membaca buku teks sahaja.

Menurut Yusof dan Mohd Azmi bin Mohd (2012), dalam artikelnya iaitu Muzium Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal Dalam Proses Pembelajaran & Pengajaran Subjek Sejarah menyatakan bahawa, definisi pendidikan tidak formal ialah merupakan satu pendidikan yang diterima secara tidak langsung daripada ibu bapa di rumah atau rakan - rakan atau sanak saudara, saluran media elektronik dan cetak seperti radio, television, surat khabar dan majalah. Pendidikan ini bersifat panduan serta nasihat, tiada atau menerima apa - apa pengiktirafan atau sijil daripada yang memberi didikan, pendidikan

diterima adakalanya spontan dan dilakukan dimana - mana sahaja serta bukan di dalam bilik darjah. Konsep pendidikan ini tidak teratur dan tiada dirancang.

1.1 Latar Belakang Kajian

Galeri Dato Onn ini beralamat no 525 Jalan Dato Mohd Shah, 83000 Batu Pahat Johor berdekatan dengan Kelab Golf Batu Pahat di jalan kluang kira-kira 1.2 kilometer. Galeri Dato Onn juga sangat dekat dengan pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah Batu Pahat. Pada tahun 1938 galeri ini pernah dijadikan kuarters kediaman bagi pegawai-pegawai kerajaan semasa pemerintahan British. Kos bagi menyiapkan bangunan galeri ini mencecah dalam lima belas ribu ringgit (RM 15,000) dengan keluasaan anggaran 4487.80 kaki persegi. Allahyarham Dato Onn Jaafar pernah mendiami galeri ini semasa beliau memegang jawatan sebagai pegawai daerah di Batu Pahat pada masa itu (Yayasan Warisan Johor, 2019).

Selepas itu, Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD) daripada Askar Wataniah regimen 501 telah menggunakan bangunan ini sebagai markas latihan mereka. Proses pembaikpulih galeri ini dijalankan dan diubahsuai mengikut kepada "standard" bangunan memorial. Bangunan ini memakan kos mencecah sebanyak RM 600,000.00 dan segala kos ini tanggung sepenuhnya oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Bangunan galeri ini seterusnya diserahkan terus kepada sebuah yayasan yang menjaga warisan budaya, pemuziuman, dan adat istiadat Melayu dikenali sebagai Yayasan Warisan Johor. Pada 6 ogos 2007 Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menyerahkan secara rasmi kepada Yayasan Warisan Johor yang diperlihat dan disaksikan sendiri oleh wakil dari pegawai Daerah Batu Pahat pada ketika itu (Yayasan Warisan Johor, 2019). Y.A.B. Dato' Hj. Abdul Ghani bin Othman, telah mengilhamkan sendiri bangunan Galeri Dato Onn ini sebagai bangunan memorial sempena lawatan kunjungan terhormat Perdana Menteri Malaysia yang kelima iaitu Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi ke Batu Pahat. Beliau hadir ke Batu Pahat atas urusan kerja untuk merasmikan Majlis Pengasas Sebuah Bangsa pada bulan

Mac tahun 2006. Yang Berhormat Asiah Md Arif selaku Pengurus Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah hadir ke Galeri Dato' Onn untuk merasmikan pada tahun 11 September 2012 (Yayasan Warisan Johor, 2019).

Galeri Dato sememangnya menyimpan banyak kerjayaan dan kegemilangan Dato Onn Jaffar itu sendiri. Pemikiran dan semangat nasionalisme yang ditunjolkan oleh beliau banyak mengubah landskap pemerintahan di Negeri Johor ketika beliau menjadi Menteri Besar Johor. Koleksi gambar dan barang-barang lama yang terdapat di dalam galeri sedikit sebanyak dapat menarik minat masyarakat untuk hadir ke galeri. Ketegasan Dato Onn Jaffar dalam mendidik Dato Tun Hussein Onn sehingga beliau berjaya ke menara gading dan merangkul sebagai perdana menteri ke 3 sememangnya boleh dijadikan contoh dan teladan yang baik kepada ibubapa pada hari ini bahwasanya pendidikan adalah cabang ilmu dan kerjayaan hidup seseorang (Yayasan Warisan Johor, 2019).

Menurut (Yusof, Mohd Azmi bin Mohd, 2012) dalam artikelnya iaitu Muzium Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal Dalam Proses Pembelajaran & Pengajaran Subjek Sejarah menyatakan bahawa selaras dengan peredaran masa dan zaman, masyarakat semakin lama semakin kurang berminat untuk hadir ke galeri atau muzium untuk melihat sendiri sejarah pembentukan bangsa. Oleh itu, kerajaan dan pihak Jabatan Muzium Negara hendaklah memainkan peranan penting dalam menarik minat orang ramai untuk hadir sendiri ke galeri bermula daripada peringkat bangku sekolah lagi. Bak kata pepatah melayu meluntur buluh biarlah dari rebungnya. Salah satu insiatif kerajaan atau pihak galeri bagi menarik minat orang ramai untuk hadir ke galeri adalah dengan memperkenalkan pendidikan tidak formal kepada pelajar-pelajar sekolah dan orang awam. (Yusof, Mohd Azmi bin Mohd, 2012).

Proses pembelajaran dengan menggunakan objek bantuan, pendidikan rasmi (formal) dan tidak formal masih boleh dijalankan. Pelajar diberikan ruang dan arahan untuk mempelajari atau memahami apa-apa bahan yang terdapat di muzium Galeri Dato Onn yang bersesuaian dengan umur mereka selaras dengan prinsip institusi pendidikan tidak formal. Cara aktiviti dijalankan atau pengajaran diajar dalam program pendidikan tertentu di Galeri Dato Onn adalah seperti dengan meletakkan pelajar di dalam bilik darjah dan meminta seseorang daripada pemudahcara untuk mengajar mereka dari jauh. Hal ini kita dalam melihat perbezaan pembelajaran diantara pendidikan formal dan tidak formal di Malaysia. (Yusof, Mohd Azmi bin Mohd, 2012).

Pendidikan tidak formal tetap boleh berlaku apabila proses pembelajaran menggunakan bantuan objek. Pelajar diberi ruang dan kebebasan untuk meneroka atau memahami sesuatu bahan yang terdapat di muzium Galeri Dato Onn yang bergantung kepada minatnya. Proses pelaksanaan aktiviti atau cara pengajaran dalam sesebuah program pendidikan muzium atau Galeri Dato Onn ialah dengan menempatkan peserta di dalam bilik menyerupai bilik darjah dengan seorang pemudahcara dari kalangan pengamal muzium untuk mengajar di hadapan. (Yusof, Mohd Azmi bin Mohd, 2012) 24/5/2022.

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian adalah merupakan isu yang ada sehingga pengkaji ingin menjalankan kajian berkaitan dengan isu tersebut. Menurut John Dewey (2010), iaitu seorang ahli falsafah, ahli psikologi, dan pembaharu pendidikan Amerika yang idea-ideanya telah berpengaruh dalam pendidikan dan pembaharuan sosial. Beliau adalah salah seorang sarjana Amerika yang paling terkemuka pada separuh pertama abad kedua puluh berpendapat bahawa permasalahan kajian merupakan salah satu pengaruh yang sangat besar kepada sesebuah penyelidikan. Oleh itu, terdapat beberapa permasalahan kajian yang akan dikemukakan dalam kajian ini. Antara permasalahan kajian yang dihadapi oleh Galeri Dato Onn adalah tanggapan atau pandangan negatif masyarakat terhadap

pendidikan di galeri dan muzium. Hal ini demikian kerana masyarakat pada masa kini berpendapat, bahawa galeri dan muzium tidak memainkan peranan penting kepada institusi pendidikan anak-anak di Malaysia.

Selain itu, maklumat berkaitan dengan artifak dan pengurusan galeri dengan lebih terperinci juga kurang didedahkan kepada pengunjung yang berkunjung untuk mengetahui mengenai artifak, monument dan manuskrip yang terdapat dalam Galeri Dato Onn itu sendiri. Antara contoh muzium yang kurang mendedahkan tentang proses pengurusan ialah Muzium Tekstil Sarawak. Muzium Tekstil Sarawak tidak memaparkan bagaimana proses pengurusan muzium dijalankan. Hal ini, menyukarkan pengunjung atau pelawat yang hadir untuk proses pencarian maklumat bagi dijadikan sumber rujukan mereka. Oleh itu, pengkaji akan mencari dengan secara lebih terperinci dan mendalam bagaimana artifak dan pengurusan Galeri Dato Onn beroperasi dengan baik agar tidak menjadi seperti di Muzium Tekstil Sarawak. (Brahim, 2011)

Selain itu, pengkaji juga mendapati kurangnya pendedahan berkenaan dengan pendidikan tidak formal kepada masyarakat awam. Pendidikan formal seperti di sekolah sememangnya banyak memberikan ilmu pengetahuan serta perkembangan kepada para pelajar. Namun pendidikan tidak formal juga memainkan peranannya yang tersendiri. Hal ini kerana, semasa pemerhatian awal dijalankan pengkaji mendapati orang awam kurang pendedahan maklumat tentang pendidikan tidak formal terhadap Galeri Dato Onn, Batu Pahat, Johor. Pendidikan tidak formal amatlah penting kepada penduduk setempat di daerah Batu Pahat, Meskipun sekolah-sekolah di sekitar Batu Pahat sudah biasa mendapat anugerah sekolah terbaik di peringkat negeri Johor dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). (Ahmad, 2019)

1.3 Persoalan Kajian

Beberapa cadangan telah dikemukakan dalam kajian ini untuk mencapai objektif yang berada dalam lingkungan kajian. Beberapa persoalan kajian yang telah pun diusulkan:

Persoalan kajian ini meliputi:

- 1.3.1 Bagaimakah organisasi pengurusan Galeri Dato Onn ini.
- 1.3.2 Apakah peranan galeri Dato Onn sebagai institusi pendidikan tidak formal.
- 1.3.3 Sejauhmanakah cabaran pengurusan Galeri Dato Onn, Batu Pahat, Johor.


1.4 Objektif Kajian

Setiap kajian yang dijalankan memerlukan ketelitian bagi memastikan tujuan kajian tersebut dapat dibuktikan dengan kebenaran penyelidikan yang dilakukan. Oleh itu, objektif kajian ini dilakukan untuk:

- 1.4.1 Mengetahui organisasi pengurusan Galeri Dato Onn.
- 1.4.2 Mengkaji peranan Galeri sebagai institusi pendidikan tidak formal.
- 1.4.3 Menganalisis cabaran Galeri untuk menjadi sebagai institusi pendidikan tidak formal.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji bagaimana pengurusan galeri dijalankan di seluruh negara khususnya di Galeri Dato Onn Batu Pahat, Johor. Kajian ini turut mengkaji bagaimana galeri ini dapat dijadikan institusi pendidikan tidak formal kepada masyarakat secara umumnya. Tujuan kajian pengurusan dan institusi pendidikan tidak formal dijalankan adalah bagi mengetahui cara-cara pengurus galeri menguruskan koleksi-koleksi barang-barang lama di galeri dan menarik golongan muda khasnya untuk hadir ke galeri bagi melahirkan semangat sayangi warisan budaya yang ada. Dalam masa galeri mengurus koleksi pengkaji juga turut ingin mengetahui cabaran yang dihadapi sebagai wadah pembelajaran tidak formal.



Rajah 1.5 : Peta Daerah dan Lokasi Galeri Dato Onn Batu Pahat, Johor

Sumber : Google Maps, 2022


Berikut merupakan peta dan lokasi kedudukan Galeri Dato Onn melalui Google Maps yang terletak di Daerah Batu Pahat. Seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.5 Galeri Dato Onn terletak betul-betul ditengah-tengah daerah Batu Pahat atau dikawasan bandar. Pada tahun 1938 ianya dibina dan merupakan bangunan kuarters kediaman pegawai-pegawai kerajaan pada ketika itu. Bangunan Galeri Dato Onn Batu Pahat ini terletak dibawah kaki Bukit Soga. Selain itu, galeri ini juga berhampiran dengan Hutan Lipur Bukit Perdana, yang mana kawasan Hutan Lipur Bukit Perdana ini adalah kawasan untuk mendaki, serta berjoging. Tapak Kajian ini juga berada di pusat bandar yang mana ianya memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian dalam memperolehi data yang mencukupi bagi mencapai objektif misi dan visi pengkaji selain menjadi pusat tumpuan orang ramai disebabkan kedudukan yang strategik berada pinggir bandar (Yayasan Warisan Johor, 2019).



Gambar 1.5 (a) : Kawasan di hadapan pintu masuk dan disekitar luar Galeri.

Sumber : Kajian Lapangan, 2022

Gambar diatas, merupakan kawasan dari pintu masuk menghala ke Galeri Dato Onn dan kawasan persekitaran luar galeri yang terletakkan di kaki Bukit Soga, Batu Pahat. Di luar persekitaran galeri dikelilingi oleh kawasan hutan lipur yang tebal kaya dengan tumbuh-tumbuhan hutan dan perudaraan yang segar sesuai kepada pengunjung atau pelawat yang suka menikmati alam sekitar flora dan fauna. Susunan landskap tumbuh-tumbuhan yang ditanaman di luar kawasan Galeri Dato Onn juga menjadi tarikan para pengunjung untuk hadir ke galeri.



Gambar 1.5 (b) : Kawasan dalam Galeri Dato Onn Batu Pahat.

Sumber : Laman Web Rasmi Yayasan Warisan Johor, 2022

Gambar 1.5 (b), menunjukkan kawasan dalaman bagi Galeri Dato Onn. Ruang struktur bangunan yang kemas dan bersih. Proses pembersihan sememangnya merupakan elemen penting dalam penjagaan koleksi. Penyusunan gambar dan artifak yang sistematik di dalam almari serta info maklumat memudahkan pengunjung untuk melihat dengan lebih dekat akan jenis-jenis artifak serta gambar-gambar lama berkenaan Dato Onn Jaafar bagi menimba ilmu pegetahuan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting kepada pengkaji dalam memastikan bahawa setiap kajian yang dijalankan dan dibuat mendatangkan hasil yang menyumbang kepada pengkaji atau mereka yang ingin menjadikan kajian ini sebagai sumber rujukan mereka pada masa akan datang. Dalam kajian ini, terdapat beberapa faedah yang diperolehi antaranya ialah :

i. Individu

Individu dengan adanya kajian seperti ini ianya akan membantu individu tersebut dalam mencari maklumat dan info penting berkaitan dengan pengurusan galeri dalam menjadikan galeri sebagai institusi pendidikan tidak formal.

ii. Masyarakat

Kepentingan kajian ini kepada masyarakat adalah bagi memberikan kesedaran bahawa warisan budaya yang ada di galeri yang berkaitan dengan masyarakat setempat adalah penting. Hal ini kerana ianya adalah lambang identiti masyarakat tersebut.

iii. Institusi Pendidikan.

Kajian yang dijalankan juga memberikan kepentingan kepada institusi pendidikan negara amnya. Kajian berkaitan pengurusan galeri dalam usaha menjadikan galeri sebagai institusi pendidikan tidak formal boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada institusi pendidikan formal seperti institusi dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam mahupun swasta.

iv. Institusi Pemuziuman.

Kajian ini dapat meningkatkan mutu penjagaan oleh muzium dan galeri yang terdapat di Malaysia. Dengan usaha menjadikan muzium sebagai pusat intitusi pendidikan tidak formal ianya mampu mempertahankan khazanah dan warisan budaya yang ada di

Malaysia dan dikenali oleh generasi seterusnya agar perkembangan kemajuan negara terus berkembang meskipun dalam era globalisasi.

1.7 Penutup

Kesimpulannya, dalam bab satu ini sudah menjelaskan bahawa secara amnya berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji iaitu pengurusan Galeri Dato Onn dan usaha yang dapat dilakukan dalam menjadikan Galeri ini sebagai institusi pendidikan tidak formal kepada masyarakat setempat khasnya di sekitar Batu Pahat, Johor. Selain itu, objektif kajian yang dirangka adalah bagi mencapai tujuan asal kajian ini dan permasalahan yang timbul dalam penyelidikan bagi menimbulkan isu dan kajian ini seterusnya dalam dijalankan. Dalam kajian ini juga ada menyenaraikan permasalahan kajian, skop kajian, dan kepentingan kajian ini dijalankan.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan berkenaan dengan sorotan kajian lepas. Dalam bab ini juga, akan mengupas tentang organisasi pengurusan, peranan galeri dalam menjadi institusi pendidikan tidak formal dan cabaran yang dihadapi oleh galeri dalam usaha menjadikan Galeri sebagai institusi pendidikan formal pada masa kini.

2.1 Definisi Istilah

2.1.1 Transisi Galeri atau Muzium

Menurut Museums Association (1984), muzium ialah sebuah institusi yang mengumpul, mendokumenkan, mengawet, mempamerkan dan mentafsir bahan bukti dan bahan yang berkaitan dengan satu koleksi bahan untuk kegunaan harian. Muzium sebagai bangunan atau tempat institusi yang mencipta, mendapatkan, menyimpan, mengkaji, mempamerkan, dan mencipta tafsiran keilmuan tentang objek keagamaan, keilmuan, atau falsafah kesenian. (Aziz, 2016). Daripada artikel ini kita dapat mempelajari bahawa muzium sememangnya mempunyai pelbagai fungsi yang penting kepada sesebuah koleksi barang-barang lama. Nilai keaslian serta warisan budaya yang ada dalam sesuatu artifak dan monumen hendaklah harus dikekalkan dan dipertahankan.

Selain itu, sumber yang lain pula, Muzium adalah Jabatan, Lembaga atau Perbadanan yang bersifat tetap. Ia berfungsi bukan untuk mencari keuntungan tetapi memberikan khidmat untuk masyarakat serta peranan yang dimainkan olehnya (Hashim and Senik, 1997). Dalam artikel ini kita mempelajari bahawa muzium dan galeri di Malaysia merupakan satu badan yang berkanun dan bersifat tetap. Fungsi utama muzium dan galeri adalah tidak mencari keuntungan tetapi memainkan peranan penting dalam menjaga khazanah dan warisan budaya masyarakat setempat.

2.2.2 Organisasi

Perkataan organisasi berasal daripada bahasa Yunani iaitu "organon" yang bermaksud alat untuk membuat atau melakukan sesuatu. Jika dilihat organon ini boleh dikaitkan dengan organisasi di dalam muzium dan galeri kerana ianya mempunyai sifat yang sama iaitu alat atau badan yang bertanggungjawab dalam mengelola dan mengurus. Oleh itu, organisasi pada asasnya adalah alat yang sengaja ditubuhkan atau dicipta untuk membantu manusia memenuhi keperluan mereka dan mencapai matlamatnya (Sobirin, 2014). Organisasi juga merupakan salah satu kumpulan yang ditubuhkan bagi memudahkan sesuatu kerja itu bergerak dengan lancar dan mudah. Dalam sesebuah syarikat, kumpulan, persatuan, jabatan, perbadanan dan sebagai organisasi sememangnya adalah perkara penting yang mesti diwujudkan terlebih dahulu bagi mengerakkan kerja. Pengurusan adalah satu-satunya alat dalam organisasi untuk membimbing pembangunan manusia secara sistematik bagi memastikan matlamat organisasi tercapai. Kepincangan di dalam bilik darjah berpotensi untuk mencetuskan masalah, meningkatkan produktiviti organisasi, dan meningkatkan kualiti pekerja (Idris *et al.*, 2019).

2.2.3 Pendidikan tidak formal

Pendidikan tidak formal juga tidak kurang pentingnya daripada pendidikan formal di semua peringkat pendidikan, kerana pendidikan tidak formal juga diharapkan dapat memenuhi keperluan penduduk yang sangat pelbagai dari segi pengetahuan dan maklumat berfungsi yang diperlukan untuk meningkatkan kualiti dan taraf hidup serta memperolehi kemahiran yang relevan yang mana boleh dijadikan sebagai bekalan untuk menyara kehidupan seharian agar rakyat mempunyai sikap mental pembaharuan dan pembangunan untuk kemajuan dan pembangunan sesebuah negara (Hidayah and Yuszaidy, 2017).

Pendidikan tidak formal sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan yang mempunyai tugas yang sama dengan pendidikan lain (pendidikan formal) iaitu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Sasaran pendidikan formal semakin

pelbagai, bukan sahaja memberi khidmat kepada golongan miskin, masyarakat yang masih kurang pendedahan akan pendidikan asas, masyarakat yang mengalami keciciran dalam pendidikan tidak formal, sasaran pendidikan tidak formal terus berkembang ke hadapan sesuai dengan perkembangan sains dan teknologi serta perkembangan, pekerjaan dan budaya masyarakat (Dacholfany, 2018).

2.2 Perkembangan Muzium Dan Galeri Di Malaysia

Institusi muzium sememangnya telah lama berada di Malaysia. Ianya telah bermula sejak zaman penjajahan British lagi di Tanah Melayu. Muzium Perak iaitu di Taiping pada tahun 1883 merupakan intuisi pertama yang diwujudkan di Tanah Melayu. Peacock, B. A. V., (1955), menyatakan Sir Hugh Low iaitu residen British pada ketika itu mengarahkan supaya pegawai penguatkuasaan dalam organisasi pentadbiran Taman Bukit Larut yang dikenali iaitu Leornard Wray Junior mengkaji dan mengumpulkan beberapa bahan bukti yang bekaitan dengan etnologi, sosio-ekonomi, sejarah, dan sebagainya. Sir Charles Brooke iaitu Raja Sarawak kedua pada ketika itu telah menubuhkan Muzium Sarawak pada tahun 1888 di Kuching. Muzium Selangor pula pada ketika itu ditubuhkan pada 1907. Muzium selangor dikatakan pernah terkena ledakan dan menyebabkan banyak kemasuhan akibat ledakan bom kapal terbang B29 bersekutu pada tahun 10 Mac 1945 semasa perang Dunia Kedua (Ahmad, 2019).

Pada tanggal 31 ogos 1957 Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan daripada pihak British. Manakala pada tahun 1963 penubuhan Malaysia telah menyebabkan penubuhan Muzium Negara di Tapak yang sama di Muzium Selangor. Budaya Muzium ini berasal daripada masyarakat Eropah pada abad ke-18 dan 19 Masihi yang menganut dan mengamalkan falsafah Renaissance. Falsafah ini secara dasarnya berupa sifat ingin mempelajari ilmu dan benda baru daripada dunia luar, yang telah mendorong pelbagai ekspedisi penjelajahan ke benua-benua lain di seluruh dunia. Ia juga usaha mengumpul

dan mengklasifikasi benda baru mengikut pengkhususan bidang seperti etnografi, botani, zoologi dan mineral untuk tujuan kajian dan penyelidikan (Ahmad, 2019).

Pada masa kini, institusi muzium seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Ini dapat dibuktikan lagi dengan jumlah penubuhan muzium semakin bertambah. Faktor peningkatan jumlah muzium ini ialah kesedaran orang ramai terhadap peranan dan fungsi muzium yang dilihat semakin mencabar dalam meniti arus kemajuan dan globalisasi. Hampir setiap negara di seluruh dunia mempunyai muzium masing-masing. Setiap muzium mempunyai objektif penubuhannya yang tersendiri. Muzium dibina berpaksikan kekuatan koleksi yang amat tinggi nilai sejarahnya. Berdasarkan statistic terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Muzium Malaysia, Malaysia mempunyai sebanyak 189 buah muzium di seluruh negara termasuk muzium-muzium di bawah kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan institusi-institusi pendidikan (Moshinsky, 1959).

2.2.1 Jenis-jenis muzium atau galeri.

Muzium negara, muzium negeri atau daerah, muzium institusi atau jabatan, muzium universiti dan muzium persendirian ialah jenis-jenis muzium yang terdapat di Malaysia. Setiap muzium mempunyai pengurusan yang berbeza mengikut jenis pengurusan muzium yang ada, ia boleh dibahagikan kepada kategori berdasarkan tujuannya, termasuk untuk muzium arkeologi, muzium sejarah, muzium kebudayaan, muzium sejarah semula jadi, muzium maritim, muzium peribumi atau peribumi, muzium Islam, dan sebagainya. Bermula dengan koleksi kecil artifik yang dikatakan pelik, luar biasa dan menarik sebagai hobi, ia berkembang menjadi koleksi yang besar yang memerlukan lokasi tersendiri untuk disimpan. Bagi mendapatkan lebih banyak maklumat daripada sesuatu perkara yang dikaji, kaedah kajian dan penyelidikan dibangunkan atas semangat inkuiri atau perasaan ingin tahu yang tinggi di kalangan golongan intelek dan golongan bangsawan. Apabila semua faktor ini

diambil kira, hasilnya adalah muzium yang berfungsi sebagai tarikan awam dan kemudahan pengajaran (Moshinsky, 1959).

2.2.2 Galeri Dato Onn, Batu Pahat, Johor.

Galeri Dato Onn ini beralamat no 525 Jalan Dato, Mohd Shah, 83000 Batu Pahat Johor berdekatan dengan Kelab Golf Batu Pahat di Jalan Kluang kira-kira 1.2 kilometer berhampiran juga dengan pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Batu Pahat. Pada tahun 1938, galeri ini pernah dijadikan kuarters kediaman bagi pegawai-pegawai kerajaan semasa pemerintahan British. Kos bagi menyiapkan bangunan galeri ini mencecah dalam RM15000 dengan keluasaan anggaran 4487.80 kaki persegi. Allahyarham Dato Onn Jaafar pernah mendiami Galeri ini semasa beliau memegang jawatan sebagai pegawai daerah di Batu Pahat pada masa itu (Yayasan Warisan Johor, 2019).

Y.A.B. Dato' Hj. Abdul Ghani bin Othman, telah mengilhamkan sendiri bangunan Galeri Dato Onn ini sebagai bangunan memorial sempena lawatan kunjungan terhormat Perdana Menteri Malaysia yang kelima iaitu Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi ke Batu Pahat. Beliau hadir ke Batu Pahat atas urusan kerja untuk merasmikan Majlis Pengasas Sebuah Bangsa pada bulan Mac tahun 2006. Dalam Galeri Dato Onn ini mempunyai ruang yang luas antaranya seperti ruangan pameran koleksi-koleski sejarah, galeri utama, bilik tayang, bilik solat, kedai cenderahati dan ruang dapur yang menjadi tempat tarikan pelawat yang hadi ke galeri ini.

2.3 Pengurusan Organisasi

Menurut (Arkhailogia *et al.*, 2018) dalam artikelnya bertajuk Melestarikan Pengurusan dan Institusi Pemuziuman Borneo menyatakan bahawa pengurusan organisasi adalah sebuah kelompok individu yang bergabung bagi membentuk satu organisasi saling bergantung dan berkerjasama antara satu sama lain untuk memperolehi objektif asal dan matlamat utama sesebuah organisasi atau syarikat. Dalam syarikat atau organisasi

sememangnya amat penting dalam pengurusan Galeri Dato Onn. Pengurusan organisasi Galeri Dato Onn adalah penting dalam mengurus, mengumpul, dan menyimpan artifak atau monument penting di sekitar Daerah Batu Pahat, Johor. Antara contoh pengurusan organisasi dalam muzium dan galeri di Malaysia adalah Muzium Sarawak yang menjelaskan akan pengurusan warisan budaya Sarawak, peranan Jabatan Muzium Sarawak dan kewangan muzium. Dalam contoh pengurusan Muzium Sarawak ini banyak menceritakan akan bagaimana pengurusan organisasi di muzium dijalankan meskipun berlakunya pertukaran peranan sebelum merdeka sehingga pembentukan Malaysia 1963.

Jabatan ini telah diletakkan di bawah Kementerian Tempatan semasa tahun 1964 dan 1965, berikutan kemerdekaan Sarawak dan penyatuan Malaysia. Jabatan Muzium Sarawak (JMS) telah berada di lokasi ini sejak penubuhannya pada tahun 1966 dan berdekatan dengan Kementerian Kebajikan, Belia & Budaya, dan Kerajaan Tempatan. Selain itu, jabatan ini sekali lagi terletak di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan selama setahun penuh pada tahun 1972. JMS telah diletakkan di bawah seliaan Kementerian Budaya, Belia, dan Sukan dari tahun 1974 hingga 1986. Sejak tahun 1987, ia telah dijalankan berhampiran Kementerian Pembangunan Sosial dan diteruskan berhampiran Kementerian Pelancongan dan Warisan (Arkhailogia *et al.*, 2018).

Menurut (Hidayah and Yuszaidy, 2017) dalam kajian yang dijalankan iaitu Peranan Galeri Sultan Azlan Shah Sebagai Pendidikan Tidak Formal menyatakan bahawa secara amnya pengurusan organisasi lebih kepada bagaimana kita mengurus program atau kerja dalam sesuatu Jabatan, persatuan, dan kumpulan. Jawatan di muzium yang paling memainkan peranan penting ialah kurator. Kurator merupakan orang yang melancarkan tugas pengurusan dan pentadbiran, merancang, dan melaksanakan aktiviti permuziuman. Antara aktiviti-aktiviti yang diuruskan oleh seseorang kurator ialah pameran permuziuman, dan konservasi barang peninggalan Penyelidikan berkaitan arkeologi, flora, dan fauna,

kebudayaan negara, memberikan khidmat nasihat permuziuman, serta menyediakan laporan hasil kajian penyelidikan. Pengurusan yang dijalankan oleh Kurator adalah amat penting bagi muzium dan galeri di Malaysia.

Galeri Dato Onn, merupakan sebuah galeri yang banyak menyimpan khazanah serta kegemilangan seorang tokoh yang berkredibiliti iaitu Dato' Onn Jaafar. Pengkaji juga mendapati bahawa di dalam galeri tersebut terdapat beberapa bahagian yang diasingkan untuk pengunjung. Antara bahagian ruang di dalam galeri tersebut ialah galeri utama yang terletak dihadapan pintu masuk, ruang-ruang pameran barang-barang lama, sejarah biodata Dato Onn Jaafar dan kemerdekaan negara, bilik tayang, kedai untuk membeli ruang pameran dapur , bilik mesyuarat, bilik solat, dan cenderahati. Pengurus atau kurator akan menjaga serta memastikan konservasi barang ini sentiasa dijaga dengan baik dan sempurna.

Pengurusan galeri Dato Onn ini dijaga dan dikawal rapi oleh kerajaan negeri Johor. Oleh itu kerajaan negeri Johor telah mewujudkan bahagian pemuziuman Negri. Pada tahun 1988 kerajaan Negeri Johor telah mewujudkan satu yayasan yang dikenali sebagai Yayasan Warisan Negeri Johor dan diletakkan di bawah Bahagian Pemuziuman. Bahagian Pemuziuman negeri Johor ini adalah ditugaskan untuk melaksanakan tanggungjawab dalam menjaga dan memelihara warisan budaya yang ada di negeri Johor secara langsung. Yayasan Warisan Johor diberi tanggungjawab oleh kerajaan negeri untuk membaik pulih serta membuat pembinaan muzium negeri di setiap daerah Negeri Johor yang terlibat.

Bahagian pemuziuman ini sangat meluas dan melengkapinya beberapa bahagian aspek penting dalam memelihara dan mulihara, proses pengumpulan artifak, pengumpulan bahan-bahan warisan, bertanggungjawab dalam melindungi tapak warisan sejarah, seni bina masyarakat, dan menganjurkan beberapa program seperti pameran kepada masyarakat atau rakyat negeri Johor dalam mendidik masyarakat untuk lebih menjaga dan

melindungi seni warisan budaya yang ada di Negeri Johor. Penyelidikan, pusat rujukan dan pendidikan peninggalan warisan negeri Johor menjadikan peranan penting kepada bahagian pemuziuman ini. Projek-projek penyelidikan arkeologi, sejarah, seni, dan kebudayaan negeri Johor diletakkan dibawah tanggungjawab misi dan visi bagi Yayasan Warisan Johor bagi mendapatkan matlamat utama.

Yayasan Warisan Johor ini ditugaskan untuk menjaga serta memelihara muzium, galeri serta warisan budaya yang terdapat di negeri Johor secara amnya. Oleh itu, carta organisasi Yayasan Warisan Johor telah dibentuk bagi memudahkan kerja pengurusan organisasi ini berjalan dengan lancar dan sempurna di setiap daerah negeri Johor. Dengan adanya carta organisasi ini juga pengurusan dalam setiap bahagian dapat digerakkan dengan lancar selaras dengan matlamat dan objektif Yayasan Warisan Johor dalam memelihara serta memuliakan warisan budaya masyarakat di negeri Johor. Menurut Alexander 2017 menyatakan bahawa kategori yang diperlukan untuk menjadi kurator atau pengurus Galeri dan Muzium di Malaysia ialah seperti berikut :

- a) Mahir dan pakar dalam ilmu sejarah.

Seorang kurator juga perlu mempunyai taraf pendidikan selayak kerjayanya. Seorang kurator perlulah memiliki Ijazah dalam bidang sosiologi, zoology, sastera, seni lukis, senireka, seni halus, senibina, permuziuman atau konservasi yang diiktiraf oleh kerajaan.

- b) Merancang dan mengumpul koleksi untuk dipamerkan dan menyediakan ‘tagging’ atau label kepada koleksi untuk tujuan pameran dan sewaktu dengannya.

Urusan pendokumentasian dan mengkatalog koleksi muzium dan galeri secara sistematik juga menjadi tugas seorang kurator. Mereka dipertanggungjawabkan untuk menyimpan data-data hasil kajian penyelidikan dengan teratur untuk tujuan rujukan.

- c) Pengurus/Kurator juga perlu memiliki ilmu dalam menjalankan kerja-kerja seperti pemulihan tanah, tapak tanah, monumen bersejarah, tapak warisan dan sebagainya. Kurator juga perlu menyelaraskan dan mengetahui ilmu dalam ekskavasi. Seorang kurator bertanggungjawab menjaga koleksi muzium sebaik mungkin kerana setiap koleksi tersebut mempunyai nilai sejarah yang besar dan merupakan harta warisan sesebuah negara.
- d) Kurator wajib membuat dan memelihara daftar nama pelanggan yang hadir dan jenis-jenis pekerjaan yang dilakukannya. Hal ini kerana perkara tersebut merupakan dokumen sulit pelanggan.

Seorang kurator dan pengurus wajib menjalankan tugasnya dengan cermat dan saksama. Penolong kurator juga haruslah memiliki pengetahuan yang tinggi dan teknik yang betul dalam membantu kurator dalam menjalankan tugasnya. Kurator tersebut juga wajib memantau penolongnya untuk memastikan hasil kerja berkualiti.

Carta organisasi Yayasan Warisan Johor



Rajah 2.3 : Carta organisasi Yayasan Warisan Johor (Ywj)

Sumber : Laman Web Rasmi Yayasan Warisan Johor, 2022

Rajah 2.3 menunjukkan carta organisasi Yayasan Warisan Johor. Jawatan teratas dipegang oleh pengarah dan dibawahnya terletak 2 timbalan pengarah iaitu timbalan pengarah pengurusan dan penbendaharaan dan timbalan pengarah operasi. Dibawahnya dipecahkan kepada beberapa unit penting yang berperanan sebagai penggerak kepada bagaimana pengurusan dalam Yayasan Warisan Johor beroperasi.

2.4 Peranan Muzium dan Galeri

Muzium dan galeri di Malaysia mempunyai banyak peranan penting yang memberikan impak besar kepada negara, masyarakat dan individu. Peranan ini sememangnya membantu kepada perkembangan dan kemajuan negara Malaysia dalam menjadi sebuah negara maju dan moden. Antara peranan muzium dan galeri pada hari ini ialah sebagai wahana pendidikan tidak formal, pusat pelancongan, dan pusat pemeliharaan serta pemuliharaan warisan budaya masyarakat setempat. Sebagai contoh wahana pendidikan tidak formal, pengunjung yang hadir ke muzium dan galeri akan diberikan pendedahan berkenaan info dan maklumat penting tentang muzium oleh kurator atau pekerja muzium tersebut. Hal ini secara tidak langsung menjadikan pengunjung yang hadir mempunyai ilmu pengetahuan akan sejarah perkembangan muzium (Moshinsky, 1959).

2.4.1 Pusat Pendidikan

Antara peranan Galeri Dato Onn dalam usaha untuk menjadikan institusi pendidikan tidak formal di Malaysia ialah sebagai pusat pendidikan. Dalam kehidupan manusia dari peringkat kanak-kanak sehingga ke penghujung seseorang pendidikan adalah pekara penting yang perlu dititikberatkan. Dalam mencari ilmu pengetahuan tidak ada had untuk mencari ilmu tidak kira dalam apa-apa bidang. Hal ini kerana, setiap orang akan mengalami proses pendidikan formal maupun tidak formal adalah benda yang tidak boleh dipisah. Konsep pendidikan adalah bertujuan untuk menjadikan seseorang individu itu mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam mengharungi kehidupan. Ianya mampu mencorak masa depan seseorang itu kearah yang lebih baik (Yusof, Mohd Azmi bin Mohd, 2012).

Selain itu, pendidikan juga mampu mengurangkan peratus kadar buta huruf bagi sesebuah kelompok mahupun sesebuah masyarakat. Dengan pendidikan ini, masyarakat tidak akan ketinggalan zaman dengan perkembangan teknologi dalam era globalisasi ini. Keadaan ini sedikit sebanyak telah membantu melahirkan ramai generasi muda berpengetahuan tinggi dan berilmu dalam menjaga akhlak individu tersebut (Ahmad, 2019). Pembangunan negara juga turut bertambah akibat daripada impak kepentingan pendidikan diutamakan. Masalah-masalah negara seperti ekonomi dan sosial dapat dikurangkan dan melahirkan ramai golongan cendekiawan dengan modal insan yang berpendidikan setaraf peringkat antarabangsa. Oleh disebabkan itu, proses pendidikan tidak mempunyai batas dan ruang masa bagi seseorang individu mahupun masyarakat tersebut. Hal ini jelas sekiranya muzium memainkan peranan sebagai pusat pendidikan maka iaanya dapat melahirkan masyarakat yang bijak dan sayang akan warisan budaya dan khazanah negara yang ada di Malaysia ini (Yusof, Mohd Azmi bin Mohd, 2012).

2.4.2 Peranan galeri sebagai pendidikan tidak formal.

Peranan galeri dalam usaha menarik minat orang awam atau masyarakat di sekitar daerah Batu Pahat, Johor dalam pendidikan tidak formal iaitu menjalankan pameran tetap dan sementara di Galeri. Pameran tetap di Galeri Dato Onn, Batu Pahat banyak menunjukkan sejarah perkembangan serta koleksi-koleski peribadi Dato Onn Jaafar sahaja dalam bentuk gambar (Yayasan Warisan Johor, 2019). Artifak dan terbitan beliau sebagai bekas Menteri besar Johor dan jawatan-jawatan yang pernah disandang olehnya. Pelawat khususnya pelajar-pelajar sekolah, orang awam dan pelancong luar yang datang ke Galeri Dato Onn akan dapat melihat maklumat melalui pameran-pameran yang dipamerkan. Pelawat khususnya para pelajar akan melawat ke setiap segmen-segmen pameran dan akan berkomunikasi sendiri dengan koleksi-koleksi yang dipamerkan atau berinteraksi bersama pekerja muzium bagi memperolehi maklumat dengan lebih mendalam lagi.

2.4.3 Menganjurkan dan mengadakan program bermanfaat bersama masyarakat setempat.

Peranan galeri dan muzium seterusnya ialah mengadakan aktiviti yang berfaedah kepada masyarakat setempat seperti menganjurkan seminar, (Yusof, Mohd Azmi bin Mohd, 2012). Pengunjung yang datang bagi memperjelaskan mengenai koleksi-koleksi yang dipamerkan. Kebiasaanya seminar akan dilakukan khusus kepada pelajar sekolah. Hal ini adalah untuk menarik minat dan menambah pengetahuan kepada para pelajar mengenai sejarah kerajaan negeri Johor, latar belakang tokoh politik yang berwawasan, dan warisan budaya masyarakat yang ada di negeri Johor. Pendidikan cara ini boleh membantu para pelajar khususnya dan masyarakat dalam mengenali tokoh politik negeri Johor iaitu Dato Onn Jaafar, warisan budaya johor serta sejarah kerajaan negeri Johor yang mungkin tidak boleh didapati dengan hanya pembelajaran di dalam kelas. Dengan adanya pendidikan galeri ini, para pengunjung yang berkunjung ke galeri akan lebih memahami dan dapat menambah ilmu pengetahuan dalam sesuatu perkata yang tidak diketahui sebelumnya.

2.5 Cabaran Pengurusan Muzium dan Galeri.

Muzium memainkan peranan yang penting kepada sesebuah negara dan masyarakat. Ianya berfungsi dalam menyelidik, mengumpul serta memelihara warisan budaya masyarakat setempat dengan alam yang memberikan kepentingan kepada sesebuah negara menurut Mohd Azmi Mohd Yusof (2013). Ceramah, Pameran, forum dan sebagainya merupakan program-program yang boleh dijalankan oleh pihak muzium kepada masyarakat awam yang hadir ke Muzium. Oleh itu, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh Galeri dan Muzium dalam memgurus dan menjadikan galeri ini sebagai institusi pendidikan tidak formal.

2.5.1 Kurangnya pendedahan terhadap Masyarakat

Menurut (Hidayah and Yuszaidy, 2017) peranan muzium sememangnya sangat penting kepada masyarakat. Namun, pengalaman pengurus atau kurator dalam mengurus dan mentadbir muzium atau galeri adalah menjadi keutamaan. Tugas kurator adalah

sebagai wakil kepada muzium semasa berhadapan dengan orang awam. Kurator perlu mewakili institusi mereka terutama di media, di perhimpunan awam, di persidangan dan juga seminar profesional. Kurator mempunyai tanggungjawab untuk memberikan informasi yang betul berkenaan muzium yang diurus terhadap orang awam atau media-media supaya mereka dapat memahami dan pada masa yang sama dapat menyebarkan maklumat tentang nilai-nilai seni yang ada pada muzium. Sekiranya kurator tidak menjalankan tanggungjawabnya maka pendidikan di muzium sudah pasti tidak akan berjaya.

2.5.2 Kurangnya penggunaan teknologi terkini.

Teknologi adalah satu konsep yang mendalam yang mempunyai lebih daripada satu takrifan. Taktik pertama ialah membina sesuatu dan menggunakan perkara seperti mesin, mesin, bahan dan prosedur untuk menangani masalah manusia teknologi pada era ini berkait rapat dengan membaca dan menulis, yang memerlukan perhatian yang teliti terhadap perincian dan proses yang panjang. Takrifan teknologi yang ditawarkan di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia adalah aplikasi pengetahuan sains yang boleh ditawarkan untuk menyelesaikan masalah manusia yang berlaku dalam kehidupan. Penggunaan gadget yang canggih menyebabkan pelajar-pelajar lebih meminati pemainan game di telefon. Oleh disebabkan itu, masyarakat akan lebih kurang meminati pendedahan berkenaan sejarah di galeri (Halim, 2011). Pengurusan galeri yang kurang menggunakan teknologi moden sebagai alat bantu dalam mempromosikan galeri sememangnya menjadi cabaran utama bagi menarik minat orang awam atau masyarakat setempat untuk hadir ke muzium.

2.6 Teori Watkins & Marsick (pendidikan tidak formal)

Waqin Si (Karen E. Watkins) merupakan seorang tokoh yang menjalankan penyelidikan pendidikan dewasa dan pembangunan sumber manusia di Jabatan Pendidikan Universiti Georgia, Profesor dewasa Amerika. Dari tahun 1990 hingga kini, beliau telah menerbitkan tujuh buku tentang tempat kerja, dan untuk melibatkan diri dalam kerja teori dan praktikal di Lapangan kajian kesan pembelajaran dewasa terhadap pembelajaran organisasi, termasuk organisasi pembelajaran, tindakan pembelajaran, kajian kerja lapangan, pembelajaran refleksi, pembelajaran tidak formal, pembelajaran sampingan, untuk menggalakkan pembelajaran (facilitating learning) dan pembelajaran teras (learning at the core) (Watkins, 2003).

Victoria J. Marsick pula seorang penyelidik yang menjalankan kajian berkenaan sarjana pendidikan dewasa, penyelidik individu, kumpulan dan institusi pembelajaran tidak formal. Victoria J. Marsick juga merupakan profesor Jabatan Organisasi dan Kepimpinan di Universiti Columbia, pengkhususan dalam pembelajaran dewasa dan organisasi. Musk juga menerajui institusi pembelajaran JM Huber (JM Institut Pembelajaran dalam Organisasi Huber) terlibat dalam perubahan organisasi dan pembelajaran, latihan dan pembangunan, dan diasaskan bersama mod pembelajaran tidak formal (Marsick, 2001).

Karen E. Watkins dan Victoria J. Marsick Pembelajaran tidak formal dianggap berkenaan dengan pembelajaran formal daripada, pembelajaran formal disokong oleh institusi dan kecanggihan sebagai struktur bilik darjah standard, dan pembelajaran tidak formal termasuk pembelajaran sampingan, mungkin juga berlaku dalam organisasi, tetapi biasanya berlaku tidak mempunyai tahap struktur yang tinggi, hasil pembelajaran untuk mengawal pelajar itu sendiri; sampingan hasil sampingan pembelajaran berbanding dengan aktiviti lain (hasil sampingan), seperti penyiapan tugas, sosial interaksi, perasaan pelbagai budaya, percubaan dan kesilapan atau pengalaman yang diperolehi dalam pembelajaran formal (Marsick, & Watkins, 2001a).

Pembelajaran tidak formal boleh menggalakkan persekitaran pembelajaran organisasi kondusif untuk pertumbuhan, malahan pembelajaran tidak formal juga boleh dikatakan sebagai pembelajaran sampingan berlaku pada orang secara tidak sedar (Marsick & Watkins, 1990), seperti yang mengandungi pembelajaran terarah kendiri, e-pembelajaran, bimbingan (coaching), penyeliaan (mentoring), untuk menyelesaikan tugas iaitu memberi peluang pembelajaran keperluan (Marsick & Watkins, 2001a), dan pembelajaran tidak formal adalah cara pembelajaran yang istimewa, sebagai pengalaman pembelajaran cincin (Garrick, 1998), pembelajaran boleh berlaku di tempat kerja, untuk membantu organisasi beroperasi, lebih cekap, berlakunya bukan struktur, iaitu satu cara pembelajaran di luar bilik darjah aktiviti pembelajaran tidak formal (Watkins & Marsick, 1992).

Marsick and Volpe (1999), menyatakan pembelajaran tidak formal mesti dibangkitkan oleh peristiwa dalaman dan luaran pembelajaran melalui tindakan dan refleksi. Gubahan pembelajaran tidak formal di tempat kerja melalui pengalaman, pendidikan seni liberal, berfikiran terbuka, kritis refleksi ialah aktiviti pembelajaran lain, menggalakkan soalan, maklum balas, dan mendengar pandangan orang lain (Brooks, 1989). Melihat sarjana di atas, pembelajaran tidak formal biasanya berlaku dalam kehidupan seharian, berdasarkan pengalaman lalu, yang peristiwa dalaman dan luaran yang dicetuskan oleh pembelajaran tidak berstruktur, tidak berdasarkan bilik darjah, adalah pembelajaran spontan, tetapi juga boleh dicapai melalui tindakan dan refleksi dalam latihan dan aktiviti lain.

2.6.1 Ciri Teori Watkins & Marsick

A) Ia Menggabungkan Peristiwa Kehidupan Seharian

Pembelajaran tidak formal biasanya berlaku dalam peristiwa kehidupan seharian, dan oleh deria manusia, seperti pendengaran, sentuhan, rasa, penglihatan dsb., untuk mengalami peristiwa kehidupan, dan menghasilkan mod pembelajaran.

B. Pembelajaran dalaman dan luaran

Pembelajaran tidak formal terjejas matlamat intrinsik pembelajaran kesan insentif yang timbul, atau daripada luaran peristiwa yang dicetuskan oleh persekitaran atau pembelajaran.

C. Pembelajaran secara tidak langsung

Pembelajaran tidak formal berkenaan dengan pembelajaran formal, biasanya tidak mempunyai pelajar berdasarkan bilik darjah tidak sangat sedar, mahupun berstruktur tinggi.

D. Ia dipengaruhi oleh kejadian yang jarang berlaku

Pembelajaran tidak formal juga mungkin tertakluk kepada peristiwa yang berasingan, atau selepas peristiwa tertentu, dicetuskan pembelajaran.

E. Kursus yang mengandungi refleksi dan tindakan

Pembelajaran tidak formal dipantau untuk tindakan dan refleksi, adalah semula jadi, sangat sedar tentang sejarah, dan hasil yang dicetuskan sudah dihayati tanpa disedari, selepas kursus ini boleh menghasilkan banyak pengetahuan tersirat (Marsick & Watkins, 1990) .

F. Ia menghubungkan kepada pembelajaran lain

Pembelajaran tidak formal dan pembelajaran formal umumnya, pembelajaran tidak formal, corak sosial, pengalaman pembelajaran, pembelajaran tindakan, sains tindakan, refleksi kritis dan pembelajaran transformatif, tersirat pengetahuan dan konsep kognitif adalah berkaitan, tetapi tidak sinonim (Marsick& Watkins, 2001).

2.7 Penutup

Kesimpulannya, bab ini merangkumkan beberapa tinjauan pengkajian lepas yang telah dijalankan bagi membantu di dalam penyelidikan ini. Sehubungan itu, input-input yang diperoleh daripada sumber ini dapat dijadikan panduan penerokaan dalam skop penulisan pengkaji. Di dalam bab ini juga mempunyai definisi dan kaedah atau konsepnya tersendiri dalam mencapai objektif kajian penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik. Perkembangan muzium dan galeri di Malaysia sememangnya memainkan peranan yang penting kepada masyarakat setempat dalam menuju negara maju. Perubahan fungsi dalam pengurusan sebelum merdeka dan selepas merdeka memberikan impak yang besar kepada negara. Cabaran muzium dan galeri di Malaysia juga perlu diambil perhatian bagi memastikan muzium dan galeri ini mampu berdaya saing dalam menjadi institusi pendidikan negara meskipun dalam konteks pendidikan tidak formal.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Metodologi kajian ini dijalankan bagi memperolehi data daripada tempat yang dikaji atau mana-mana perkara yang berkaitan. Dalam bab ini juga ia meliputi beberapa pekara yang penting seperti pendekatan kajian, rekabentuk kajian, pengumpulan data, persempelan, instrumen kajian, analisis data dan kesimpulan. Menurut Ang Kean Hua, (2016) metodologi boleh didefinisikan sebagai inisiatif yang paling mudah dalam menjalankan sesebuah kajian kerana dengan kaedah metodologi ini ianya secara tidak langsung mampu menentukan kaedah kajian dijalankan dan menjawab segala permasalahan yang timbul. Proses metodologi ini dikelaskan kepada tiga proses perancangan, aplikasi dan analisis. Proses perancangan boleh menjurus kepada pembentukan hipotesis dan reka bentuk; Walau bagaimanapun, proses perancangan juga boleh diarahkan kepada pemilihan sampel, ujian rintis, dan analisis proses. Jadi dalam bab ini juga, akan menyentuh kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam memperolehi maklumat yang diperlukan dalam kajian ini iaitu peranan Galeri Dato Onn sebagai Institusi Pendidikan tidak formal Di Batu Pahat, Johor.

3.1 Pendekatan Kajian

Pendekatan yang telah digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini adalah pendekatan kajian kes. Kajian kes merupakan kajian pengumpulan data-data yang diperolehi melalui kajian mengenai keadaan sosial, peristiwa khusus, dan tingkah laku individu tersebut sedikit sebanyak membantu pengkaji dalam menjalankan analisis kajian mengikut corak perubahan keadaan sosial. Data dikumpul menggunakan dokumentasi, data sejarah, temu bual mendalam, pemerhatian peserta, soal kajian selidik (Ang Kean Hua, 2016). Kajian kes ini adalah bertujuan untuk membantu penyelidik melihat sejauhmanakah kebolehan pengurusan sebenar sesebuah muzium dan galeri mampu mempengaruhi

sesuatu keputusan dan ia juga berupaya menjalankan setiap kes yang diperolehi disemak balik secara terperinci mengikut sokongan siasatan. Kebiasannya, penyelidik atau pengkaji akan menggunakan bukti-bukti yang diperolehi daripada sumber primer ataupun sekunder yang boleh dipercayai seperti temubual, pemerhatian, artifak, dokumen dan sebagainya hasil daripada kajian pengkaji-pengkaji lepas melancarkan kajian dan melaporkan keputusannya dengan cara yang tepat dan terperinci. Oleh itu, dengan ini terbuktialah bahawa kajian kes telah banyak membantu pengkaji dalam memperolehi sumber-sumber data yang tepat seperti pemerhatian langsung, dokumen sokongan serta, temubual secara bersemuka bersama pihak muzium tersebut.

3.2 Rekabentuk Kajian Kualitatif

Rekabentuk kajian memainkan peranan yang penting dalam membantu pengkaji mendapatkan maklumat-maklumat yang penting dan berkaitan dengan kajian ini. Proses-proses seperti menganalisis dan memungut hasil penyelidikan yang dijalankan. Rekabentuk kajian juga telah menjadi model utama dalam membolehkan penyelidik membuat rujukan berkaitan kajian yang telah dijalankan. Rekabentuk merupakan salah satu kaedah dalam menghuraikan data yang diperolehi mengikut kepada analisis yang sistematis dan berfokus tentang hubungan antara pembolehubah dan konsep pembentukan rangkaian yang terdapat dalam sesuatu kajian. (Siti Nurul Ain, 2022).

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Pendekatan kualitatif adalah merupakan satu gambaran data yang boleh diamati berdasarkan prosedur penyelidikan yang dihasilkan (Lexy, 2007) yang menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian. Warisan budaya dan adat adalah merupakan salah satu ilmu pegetahuan sosial yang wujud secara fundamental ianya berkait rapat dengan manusia dan kawasan setempat sesebuah masyarakat yang berkait dengan bahasa dan peristilahan (Kirk & Miller, 1986). Jelas disini, kualitatif adalah penyelidikan yang berdasarkan pemerhatian dan kajian.

Kaedah kualitatif adalah kaedah yang akan bakal pengkaji jalankan. Pengkaji akan menemu bual pegawai dan staf yang berada di Galeri Dato Onn, Batu Pahat. Isu yang berkaitan dengan peranan serta cabaran yang akan dihadapi oleh pihak pengurusan Galeri Dato Onn dan mendapatkan maklumat berkaitan dengan usaha yang boleh dilakukan untuk menjadikan galeri ini sebagai institusi pendidikan tidak formal. Tembual ini dijalankan bagi memperolehi maklumat yang tepat dan betul berkenaan kajian yang akan pengkaji jalankan. Bukan itu sahaja, pengkaji juga boleh berhubung langsung dengan staf berkenaan untuk mencari maklumat terkini.

3.3 Pengumpulan Data

Pengumpulan data adalah salah satu peringkat terpenting dalam penyelidikan. Kaedah pengumpulan data yang teliti akan menghasilkan data yang mempunyai kredibiliti yang tinggi, begitu juga sebaliknya. Disebabkan ini, prosiding semasa tidak boleh digantung dan mesti dijalankan dengan berhati-hati sambil mematuhi prosedur penilaian dan kualitatif. Punca, kesilapan atau ketidaksempurnaan dalam kaedah pengumpulan data akan mengakibatkan data yang diperolehi tidak boleh dipercayai, sehingga dapatan kajian tidak dapat didedahkan sepenuhnya (Malang, 2011). Kaedah ini merupakan aspek yang paling penting dalam melaksanakan kajian kerana ia merupakan satu cara yang digunakan oleh semua pengkaji. Pengumpulan data ini terbahagi kepada dua bahagian penting iaitu data primer (Sumber Primer) dan juga data sekunder (Sumber Sekunder).

3.3.1 Sumber Primer

Sumber Primer ialah data yang diekstrak daripada rumusan mentah, sama ada ia datang daripada individu atau kumpulan manusia, seperti hasil wawancara atau pengisian maklumat yang biasa dilaksanakan oleh peneliti (Hutagalung, 2016). Sumber Primer merupakan sumber yang bersifat asli dan belum ditafsirkan kepada umum seperti temu bual, pemerhatian, dan soal selidik (Vicky,2011).

i. Temubual

Temubual merupakan salah satu kaedah pengumpulan data yang akan melibatkan interaksi bersemuka diantara penyelidik bersama dengan informen mereka. Kaedah temubual merupakan cara yang paling berkesan dalam mendapatkan maklumat yang tepat dan terperinci daripada informan secara mendalam. Pengkaji akan menembual pegawai dan pengurus Galeri Dato Onn bagi memperolehi maklumat berkaitan dengan peranan galeri Dato Onn sebagai institusi pendidikan tidak formal, organisasi pengurusan galeri, dan cabaran yang dihadapi dalam mengurus galeri. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan turun sendiri ke kajian lapangan bagi menjalankan sesi tembual bersama informan dan pengawai atau staf yang berkaitan. Hasil yang diperolehi daripada kaedah ini seperti bukti video, audio dan catatan lain akan disimpan supaya tiada barang atau maklumat yang tercicir.

ii. Pemerhatian

Menurut (Jasmi, 2012), kaedah pemerhatian juga boleh dibahagikan kepada dua bahagian penting iaitu “pemerhatian secara terus” dan yang kedua iaitu pemerhatian turut serta kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian secara terus. Kaedah ini adalah pemerhatian secara langsung kepada tempat tersebut seperti melihat sendiri bukti-bukti sejarah yang ada di muzium atau galeri tersebut. Kaedah pemerhatian melalui penglibatan berasal daripada bidang antropologi iaitu kajian berkaitan kesejahteraan kehidupan masyarakat. Penyelidikan sesebuah warisan budaya sememangnya sering berkait rapat dengan masyarakat yang hendak dikaji dalam usaha untuk memperolehi isu dan permasalahan kajian tersebut. Pengkaji akan menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah pemerhatian dengan melihat cara pengurusan koleksi atau barang-barang lama ditadbir urus galeri Dato Onn, Batu Pahat, Johor, melihat cara galeri menarik minat orang awam ke galeri dan melihat sejauhmanakah cabaran yang perlu ditempuhi oleh galeri dalam mengekalkan warisan budaya yang sedia ada.

3.3.2 Sumber Sekunder.

Data sekunder sebenarnya adalah data primer yang telah pun dibangunkan dan diedarkan oleh pemegang data primer. Misalnya, peneliti mendapatkan data iaitu berupa data tentang produk-produk perusahaan, struktur organisasi, sejarah singkat perusahaan, serta data-data lain yang dianggap perlu dalam penelitian ini (Hutagulung, 2016). Manakala, menurut Marican (2005), data sekunder adalah data yang telah dikumpul oleh pengkaji lain. seperti maklumat daripada perpustakaan, buku, dan juga laman sesawang. Pengkaji akan mengambil sumber sekunder melalui sumber-sumber yang betul dan bertauliah seperti dibawah :

a) Perpustakaan

Kaedah perpustakaan adalah merupakan kaedah dengan mendapatkan maklumat yang diperlukan dari perpustakaan. Pengkaji akan mendapatkan maklumat dan sumber dari pustakaan terdekat iaitu di Perpustakaan awam Batu Pahat dan Perpustakaan di Universiti Malaysia Kelantan bagi memperolehi maklumat yang berkaitan dengan pengurusan muzium dan maklumat tambahan bagi Galeri Dato Onn, Batu Pahat. Buku adalah kaedah yang merujuk kepada buku ilmiah yang banyak mempunyai maklumat tambahan bagi memenuhi maklumat.

b) Internet


Dalam menghasilkan kajian ini, sebahagian maklumat yang diperolehi daripada penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji adalah berasal daripada daripada sumber internet. Melalui sumber internet inilah pengkaji mudah untuk memperolehi maklumat dengan pantas dan menjimatkan masa. Maklumat yang diperolehi melalui sumber “online” ini akan dikaji dengan terperinci untuk disesuaikan dengan kajian yang dijalankan pengkaji .Bahan rujukan ini melalui laman web rasmi seperti daripada “google scholar”, “academic”, “research gate”, blog, wikipedia dan sebagainya.

c) Jurnal

Pengkaji juga turut menggunakan jurnal-jurnal berkaitan bagi memperolehi maklumat yang tepat dan sesuai dengan kajian yang pengkaji jalankan. Jurnal yang diperolehi akan menjadi bahan rujukan yang boleh dipercayai kerana ianya mengandungi pengurusan Muzium dan Galeri, institusi pendidikan tidak formal yang saling berkait rapat dengan tajuk pengkaji. Isu-isu kandungan yang terdapat di dalam jurnal ini dapat membantu memberikan idea kepada pengkaji semasa menyelesaikan kajian.

d) Tesis

Tesis juga digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian. Tujuan tesis digunakan adalah untuk menambahkan lagi maklumat penting dalam kajian. Maklumat yang pengkaji ambil sedikit sebanyak boleh dijadikan rujukan kepada pengkaji lain. Pengkaji banyak mengambil tesis daripada universiti-universiti awam yang lain seperti Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan sebagainya.



Rajah 3.3 : Reka bentuk kajian yang perlu dijalankan oleh pengkaji.

Sumber : Kajian Lepas, 2021

3.4 Pensampelan

Persampelan adalah salah satu proses atau kaedah di mana sebilangan kumpulan kecil daripada komuniti atau majoriti dalam sesebuah masyarakat dipilih untuk disoal jawab dan dikaji bagi mendapatkan maklumat penting mengenai populasi tersebut (Mohd Sheffie Abu Bakar 1991). Manakala, ada pendapat lain yang menyebut pensampelan adalah satu langkah dan usaha yang dibuat oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat penting daripada sampel yang didapati daripada keseluruhan populasi tersebut. Responden yang akan ditemui bual merupakan subjek yang akan dirujuk bagi memenuhi data kajian berkaitan peranan muzium atau galeri, cabaran pengurusan dan pendidikan tidak formal di Galeri Dato Onn, Batu Pahat, Johor. Individu atau pegawai yang dipilih adalah subjek yang akan menjawab soalan-soalan berkaitan melalui temu bual ini.

Di dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah bebola salji “snowball”. Artikel ini berhasrat untuk menerangkan teknik pensampelan bebola salji sebagai salah satu teknik persampelan tidak berkebarangkalian dimana informen tidak dipilih mengikut kriteria yang telah ditetapkan untuk mendapatkan data daripada responden untuk menjawab masalah kajian lapangan tertentu (Nurdiani, 2014). Teknik persamplean bebola salji ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu pensampelan bukan kebarangkalian dan persampelan kebarangkalian. Dalam bidang sosiologi persampelan bola salji merujuk kepada pengkaji mula mengkaji dengan populasi yang kecil yang dikenali dan memperluaskan sampel dengan meminta orang pertama untuk mengenalpasti orang lain yang perlu mmengambil bahagian dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan persampelan secara terus kepada pegawai atau staf yang berkerja di Galeri Dato Onn bagi memperolehi maklumat penting dan sekali gus menjawab objektif kajian pengkaji.

3.5 Instrumen Kajian

Menurut (Lee and Sandai, 2020), alat pemprosesan iaitu intrumen data kajian ialah sebarang kaedah, prosedur atau peranti yang digunakan untuk memproses dan

menyimpan data kajian. Ia terbina dengan tiga cara iaitu mereka-cipta sendiri, mengubahsuai daripada instrumen kajian pengkaji terdahulu dan menggunakan instrumen yang biasa digunakan sedia ada. Pada kebiasaanya, ia digunakan semasa pengkaji menjalankan tembusan, kajian lapangan dan pemerhatian sepanjang kajian ini dijalankan. Antara alat intrument yang digunakan semasa pengkaji menjalankan kajian ini ialah video rakaman semasa sesi soal jawab. Video rakaman ini sedikit sebanyak membantu penyelidik atau pengkaji menyemak semula jawab semasa sesi soal jawab dijalankan. Bukan rakaman video sahaja dijalankan, rakaman suara serta penggunaan kamera amatlah memainkan peranan untuk mengambil gambar semasa sesi pemerhatian dijalankan.

3.6 Analisis Data

Menurut Hutagalung, (2016) analisis data merupakan suatu kajian yang dijalankan bagi mengubah data hasil dari penelitian menjadi sebuah informasi baru yang dapat digunakan dalam membuat kesimpulan. Manakala, menurut Taylor (1975), analisa data ialah proses yang menerangkan secara umum atau formal untuk menemukan tema dan merumuskan hasil kajian seperti yang disarankan dalam usaha memperolehi maklumat dan hipotesis. Data yang diperolehi melalui pendekatan kualitatif akan diproses dan dianalisa bagi menyimpulkan data. Hasil kajian yang dijalankan keatas Galeri Dato Onn akan dirumuskan melalui analisis data.

Analisis data juga merupakan metod dalam memproses data menjadi maklumat. Semasa kajian dijalankan ianya perlu dilakukan secara teliti, Setelah kajian dijalankan secara teliti maklumat yang diperolehi perlu dianalisis dengan betul dalam bentuk data yang mudah untuk difahami. Analisis data juga diperlukan supaya dapat memberi penyelesaian atas permasalahan penelitian yang sedang dikerjakan (deni puribowati, 2021). Analisis data secara tematik juga perlu turut dilakukan bagi menunjukkan kaedah untuk mengenalpasti, menganalisis dan melaporkan pola-pola di dalam data-data yang terkumpul. Oleh itu,

Pengkaji akan menjalankan kajian dengan penelitian secara terus dan merekod analisis data dengan betul bagi menyelesaikan masalah.

Analisis tematik ialah proses mengenal pasti corak atau tema dalam data kualitatif. Braun & Clarke (2006) mencadangkan bahawa ia adalah kaedah kualitatif pertama yang harus dipelajari sebagai ‘..ia menyediakan kemahiran teras yang berguna untuk menjalankan banyak jenis analisis lain’ (hlm.78). Kelebihan selanjutnya, terutamanya dari perspektif pembelajaran dan pengajaran, ialah ia kaedah dan bukannya metodologi (Braun & Clarke 2006; Clarke & Braun, 2013). Ini bermaksud bahawa, tidak seperti kebanyakan metodologi kualitatif, ia tidak terikat dengan epistemologi tertentu atau perspektif teori. Ini menjadikannya kaedah yang sangat fleksibel, kelebihan yang besar diberikan kepada pelbagai kerja dalam pembelajaran dan pengajaran

Enam langkah dalam menjalankan analisis tematik (Braun & Clarke 2006)



Rajah 3.6 : Enam langkah analisis tematik

Sumber : Internet, 2022

3.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, melalui kajian telah dijalankan, pengkaji dapat menjalankan kajian dengan lebih tenang dan terperinci berkaitan dengan peranan galeri, cabaran galeri serta usaha yang boleh dijalankan dalam menjadikan Galeri Dato Onn, batu Pahat ini sebagai institusi pendidikan tidak formal di sekitar daerah Batu Pahat. Organisasi pengurusan serta peranan galeri dalam menjadikan institusi pendidikan tidak formal sangat membantu dalam memastikan galeri sebagai pusat pendidikan pada masa kini serta mampu mengekalkan warisan budaya yang terdapat dalam galeri ini dapat dijaga dan dipelihara dengan baik. Proses analisis data yang diperolehi daripada kajian penyelidikan ini dapat membantu pengkaji dalam merumus berkaitan yang dijalankan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Di bahagian ini, ianya membincangkan tentang hasil yang diperolehi oleh pengkaji sewaktu proses pengumpulan data ini dijalankan. Proses pengumpulan data ini melibatkan responden yang terlibat dalam kajian peranan Galeri Dato Onn, sebagai institusi pendidikan tidak formal di Batu Pahat, Johor. Maklumat serta data yang didapati dikumpul dan disimpan secara telus melalui proses temuramah atau temubual bersama responden. Dapatkan kajian ini mempunyai maklumat yang jelas dan data yang lengkap tentang pengurusan dan peranan Galeri Dato Onn ini dijalankan dalam usaha kearah pendidikan tidak formal di Malaysia. Beberapa kaedah dan proses telah dijalankan dan digunakan oleh pengkaji bagi memperolehi maklumat. Pengkaji juga telah mencatat, merekod, dan menganalisis secara keseluruhan data yang telah dikumpulkan.

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini juga akan menjawab segala objektif dan persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam bab 1. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah mengambil langkah yang proaktif dalam menjalankan kajian lapangan secara temubual bersama dengan dua orang informan yang mana mereka sendiri merupakan staf atau pekerja di Galeri Dato Onn Batu Pahat Johor dan juga analisis yang diperolehi dari kajian lepas. Hasil yang diperolehi daripada temubual ini akan direkod menggunakan rakaman suara serta catatan bertulis yang dibuat oleh pengkaji sendiri.

4.1 Pengurusan organisasi Galeri Dato Onn.

4.1.1 Sejarah awal kewujudan Galeri Dato Onn

Menurut Informen pertama dan kedua, iaitu selaku pekerja di Galeri Dato Onn yang memegang jawatan sebagai penjaga muzium dan pembantu muzium sememangnya

berpengetahuan luas dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat setempat berkenaan sejarah penubuhan Galeri Dato Onn.

Sejarah penubuhan Galeri Dato Onn ini telah bermula pada tahun 2005 lagi di mana pada ketika itu Perdana Menteri Malaysia yang kelima iaitu Tun Abdullah bin Ahmad Badawi telah turun ke daerah Batu Pahat atas urusan kerja bersempena dengan program mengingati UMNO yang ke-60 tahun.

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Pengkaji juga menyedari bahawa kehadiran Tun Abdullah bin Ahmad Badawi ke daerah Batu Pahat turut dihadiri Menteri Besar Johor pada ketika itu iaitu Dato Abdul Ghani Othman. Dato Abdul Ghani Othman telah mengusulkan cadangan kepada Perdana Menteri kelima untuk menubuhkan sebuah tempat bersejarah yang boleh dinaikkan sebagai icon ekopelancongan daerah Batu Pahat pada ketika itu. Hal ini berkait rapat dengan ciri teori Watkins dan Marscik iaitu penggabungan peristiwa dalam kehidupan seharian yang mengfokuskan kepada peristiwa di sesuatu tempat. Peristiwa ini menyebabkan tertubuhnya Galeri Dato Onn yang menjadi tempat sumber rujukan dan lambang kepada institusi pendidikan tidak formal di daerah Batu pahat.

Untuk pengetahuan umum, di daerah Batu Pahat sendiri terdapat seorang tokoh sejarawan negara tersohor yang berjuang dalam memerdekaan Tanah Melayu daripada British. Tokoh tersebut ialah Dato Onn Jaafar yang lahir pada tahun 1895. Sebelum melanjutkan pelajaran di England, beliau telah memperoleh pendidikan di sekolah Melayu.

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Kenyataan diatas telah diperkuahkan lagi dengan dapatan kajian pengkaji dimana pada tahun 1930, Dato' Onn Jaafar mempunyai kerjaya sebagai wartawan. Beliau telah dilantik sebagai pengarah Lembaga Malaya dan Lembaga Harian pada tahun 1934. Dato' Onn juga pernah berkhidmat sebagai ahli majlis di Majlis Kerajaan Johor. Dato' Onn dilantik


sebagai ketua Pejabat Kawalan Makanan Negeri Johor semasa pendudukan Jepun. Dato' Onn Jaafar dilantik sebagai Menteri Besar Johor pada 1 Oktober 1946. Tiga tahun kemudian, beliau melepaskan jawatannya sebagai Menteri Besar Johor untuk menumpukan perhatian kepada UMNO. Di bawah arahan Dato' Onn Jaafar, UMNO dapat menekan kerajaan British supaya membubarkan Malayan Union dan meletakkan Persekutuan Tanah Melayu sebagai gantinya.

Seterusnya, allahyaraham Tun Hussein bin Dato' Onn merupakan salah seorang anak kepada Dato' Onn Jaafar dan Datin Halimah Hussein. Dato Onn Jaafar telah menghembuskan nafas terakhirnya pada tahun 1962. Sebelum merdeka, Dato' Onn Jaafar adalah seorang nasionalis, ahli politik, dan pentadbir yang terkenal. Beliau adalah penyumbang penting kepada nasionalisme dan kewartawan Melayu pada tahun 1920-an dan 1930-an, serta kepada penubuhan Negeri-Negeri Bersekutu Malaya pada tahun 1948 dan penentangan terhadap Malayan Union pada tahun 1946. Sejarah hidupnya yang rumit dengan idea, pemikiran, dan perkembangan dan kejatuhan dalam kegiatan politik negara ini benar-benar diteliti apabila kita mengkaji sejarah politik negara ini sebelum merdeka dan sedekad selepas merdeka (Ramlah Adam, 2004:1) dalam (Haniffa, 2016). Hal ini bersesuaian dengan teori Watkins dan Marsick menyatakan pendidikan tidak formal mempunyai kursus yang mengandungi refleksi dan tindakan. Peristiwa sejarah yang berlaku dihayati tanpa sedar dan ilmu pengetahuan tersirat melalui sejarah.

Sebelum tahun 2006, bangunan ini adalah tempat markas askar wataniah dan selenggara oleh pihak askar sebelum ianya diserahkan kepada Kerajaan Negeri Johor. Pada ketika dahulu, bangunan-bangunan yang terdapat di kaki bukit Soga ini adalah kuartas bagi pegawai-pegawai daerah Batu Pahat. Struktur bangunan yang menarik dengan ciri-ciri seni bina bangunan kolonial british telah menjadikan ianya sebagai salah satu sebab mengapa ianya dipilih untuk dijadikan tempat penubuhan Galeri Dato Onn Batu Pahat Johor

(Informan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Menurut Informan pertama dan kedua menyatakan bahawa bangunan yang kini dijadikan Galeri Dato Onn ini pada ketika dahulunya merupakan bangunan kediaman rasmi bagi Dato Onn Jaafar. Hal ini telah menjadikan Galeri Dato Onn, Batu Pahat mempunyai keunikkan yang tersendiri dari sudut sejarah struktur bangunan kolonial zaman british dan peranan yang dimainkan sebagai institusi pendidikan tidak formal. Hal ini sangat bersesuaian dengan ciri kedua teori Watkins dan Marsick iaitu pembelajaran dalaman dan luaran yang memberi fokus kepada peristiwa yang berlaku di kawasan persekitaran.



Rajah 4.1 (a) : Pelan struktur bangunan Galeri Dato Onn

Sumber : Kajian Lapangan, 2022

Rajah 4.1(a) merupakan pelan struktur bangunan Galeri Dato Onn yang asal tanpa mengubah struktur bangunan yang asal. Struktur bangunan ini terbahagi kepada tiga bahagian bangunan iaitu bangunan hadapan, tengah dan belakang. Struktur bangunan hadapan mempunyai beberapa bahagian ruang antaranya ruang anjung, ruang galeri

utama, ruang pameran, bilik tayangan, stor dan tandas. Manakala bangunan tengah pula, terdiri daripada ruang cenderahati, bilik solat, dan kedai cenderahati. Struktur bangunan belakang pula terdiri daripada ruang pejabat, stor, dapur, bilik mesyuarat, dan tandas.

Kerajaan Negeri Johor mengambil hak penjagaan bangunan ini, dan telah bersetuju untuk menaik taraf. Pada tahun 1938, proses pembinaan bangunan telah dijalankan dengan peruntukan pada ketika itu sebanyak Rm 15500. Setelah bangunan ini siap dibangunkan maka bangunan ini telah dijadikan tempat tinggal oleh pegawai-pegawai daerah Batu Pahat

(Informan 1 dan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Berdasarkan petikan diatas, jelaslah disini bahawa selepas bangunan ini diserahkan kepada kerajaan negeri Johor. Kerajaan negeri Johor telah membuat penaiktarafan bangunan tersebut yang memakan dana sebanyak RM15,000. Setelah bangunan ini siap sepenuhnya ianya dijadikan sebagai tempat tinggal pegawai-pegawai kerajaan pada zaman kolonial British. Namun selepas, Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, bangunan ini telah dijadikan markas bagi askar wataniah dan kemudiannya pada tahun 2006, kerajaan Negeri Johor telah mengamanahkan kepada Yayasan Warisan Johor supaya bangunan ini dijadikan Galeri Dato Onn sehingga kini dengan penaiktarafan bangunan untuk dijadikan galeri memakan dana peruntukan sebanyak RM60,000.

4.1.2 Struktur Organisasi Yayasan Warisan Johor dan Galeri Dato Onn.



Gambar 4.1 (a) : Kawasan luar pejabat Yayasan Warisan Johor di Johor Bahru.

Sumber : Laman Web Rasmi Yayasan Warisan Johor, 2022

Gambar 4.1 (a) menunjukkan kawasan luar pejabat Yayasan Warisan Johor di daerah Johor Bahru. Alatan muzik tradisional Johor iaitu alatan muzik gambus telah dijadikan arca atau simbolik kepada warisan budaya negeri johor dan diletakkan di bahagian hadapan bangunan Yayasan Warisan Johor. Gambar diatas juga merupakan bahagian hadapan bangunan ibu pejabat Yayasan Warisan Johor.


Yayasan Warisan Johor (YWJ) ditubuhkan untuk mempertahankan sejarah kerajaan negeri Johor dan menjalankan pemeliharaan. Untuk mewujudkan jati diri bangsa yang dihormati, warisan sejarah, seni dan budaya Negeri Johor mesti dipupuk dan dipertahankan. Beralamat JKR 293, Jalan Mariamah, 80100 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim terdapat 53 buah buku telah diterbitkan secara keseluruhan dalam tempoh 20 tahun sejak Yayasan Warisan Johor ditubuhkan, termasuk buku mengenai sejarah, budaya, politik, seni, biografi, novel, dan puisi. Hadiah Sastera Darul Ta'zim telah disampaikan oleh kerajaan negeri Johor setiap dua tahun melalui YWJ. Majlis penganugerahan Hadiah Sastera Darul Ta'zim kali keenam telah berlangsung pada 17 Julai 2009. Hasilnya, terciptalah Hadiah Sastera Darul Ta'zim seperti mana yang disampaikan oleh informan pertama dan kedua.

Untuk maklumat tambahan di yayasan warisan johor selain di bahagian muzium atau pemuziuman, kita ada 5 bahagian iaitu bahagian seni persembahan, bahagian persuratan sejarah, bahagian korprat, dan bahagian pentadbiran pengurusan, saya berada di bahagian pemuziuman Galeri dato onn batu batu.

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Berdasarkan petikan ayat diatas menujukkan bahawa, Yayasan Warisan Johor juga mempunyai beberapa bahagian yang penting dalam memelihara dan memulihiar warisan budaya di negeri johor. Pengkaji mendapati antara bahagian yang diletakkan dibawah tanggunjawab Yayasan Warisan Johor ialah Bahagian Pembangunan Seni dan Warisan, Bahagian Seni Persembahan, Bahagian Persuratan Sejarah dan Bahagian Pemuziuman.

Di bawah bahagian Pemuziuman terdapat tiga buah muzium dan tiga buah galeri yang diselenggara antaranya seperti Muzium Kota Tinggi, Muzium Mersing, dan Muzium Tokoh di Johor bahru. Manakala galeri pula, ialah Galeri Seni, Galeri Tenun Johor dan Galeri Dato Onn. Menurut informan meskipun banyak muzium dan galeri yang terdapat di negeri Johor. Namun pihak Yayasan Warisan Johor amnya mengambil beberapa muzium yang dianggap mempunyai kepentingan terhadap warisan dan budaya kesemua masyarakat di negeri Johor.




Rajah 4.1 (b) : Bahagian yang terdapat dalam Yayasan Warisan Johor

Sumber : Internet, 2022

Rajah 4.1 (b) menunjukkan pecahan bahagian atau kompenan penting dalam Yayasan Warisan Johor dan setiap bahagian ini mempunyai carta organisasi tersendiri dalam mencapai objektif, visi dan misi Yayasan Warisan Johor dalam menjaga, memelihara dan memulihara warisan budaya yang terdapat di negeri Johor.

Berikut merupakan carta organisasi dalam Bahagian Pemuziuman :



Rajah 4.1 (c) : Carta Organisasi Bahagian Pemuziuman di Yayasan Warisan Johor

Sumber : Kajian Lapangan, 2022

Rajah diatas merupakan carta organisasi bagi Yayasan Warisan Johor dibawah bahagian pemuziuman. Bermula daripada pengarah, timbalan pengarah, ketua bahagian, kurator dan penolong kurator. Setiap jawatan yang disandang memainkan peranan penting dalam mengekalkan warisan budaya yang terdapat dalam Negeri Johor. Hal ini berkait rapat dengan teori Watkins dan Marsick yang menekankan kepada aspek organisasi pembelajaran dan perubahan organisasi dalam sistem pendidikan tidak formal. Setiap bidang tugas mereka juga memainkan peranan dalam proses memelihara serta memulihara warisan yang terdapat baik dari segi hubungan dengan kerajaan, masyarakat, mahupun individu. Oleh itu, tugas-tugas rasmi yang diarahkan oleh pengarah perlulah dijalankan mengikut prosedur yang telah ditetapkan baik dari segi tugas yang melibatkan agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan.

Oleh itu, berikut merupakan tugas-tugas yang dijalankan oleh pengarah, timbalan pengarah, ketua bahagian, kurator dan penolong kurator dalam memelihara muzium dan galeri yang terdapat di negeri Johor :



Rajah 4.1 (d) : Tugas-tugas yang dijalankan di bawah tanggungjawab

Bagian Pemuziuman

Sumber : Kajian Lapangan, 2022

Struktur Organisasi di Galeri Dato Onn Batu Pahat, Johor terdiri daripada dua orang pekerja iaitu Encik Mohd Shaiful Bin Mohd Noor memegang jawatan sebagai penjaga muzium dan Encik Noor Suriya Bin Mohd Rahim selaku pembantu muzium. Di Galeri Dato Onn, hanya kami berdua sahaja yang menjalankan urusan pentadbiran dan pengurusan galeri atas arahan daripada pihak atasan iaitu Yayasan Warisan Johor.

(Informan 1 dan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Pengkaji juga turut memperolehi maklumat bahawa tugas kedua-dua pekerja di Galeri Dato Onn ialah membantu, menyediakan dan melaksanakan pendokumentasian bahan pameran, mengumpulkan sumber maklumat serta bahan penyelidikan berkaitan sejarah dato Onn sebelum dipamerkan, menyunting sumber serta bahan yang diperolehi sebelum dipamerkan, mengumpulkan bahan berbentuk artifak berkaitan Dato Onn, memberi penerangan berkaitan Galeri Dato Onn kepada pelawat dan orang awam serta

menanggung kerja yang bukan dalam bidang tugas mereka seperti tugas kurator yang mana di Galeri Dato Onn tidak mempunyai seorang kurator. Hal ini menyebabkan pekerja di Galeri Dato Onn secara tidak langsung menjalankan aktiviti pembersihan dan mengkonservasikan objek yang ada di galeri.

Tugas selaku penjaga muzium ialah mengawasi situasi keseluruhan ruang pameran yang ada dekat Galeri Dato Onn setiap hari, memantau keselamatan pengunjung yang hadir ke galeri, memastikan setiap hari koleksi-koleksi yang diletakkan dan dipamerkan sentiasa di dalam keadaan tempat yang betul dan jumlah yang tepat agar apa-apa kes curian dapat dikenalpasti awal.

(Informan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Kenyataan ini disokong oleh maklumat yang didapati oleh pengkaji melalui laman web rasmi Yayasan Warisan Johor. Dari segi pembersihan pula, syarikat kontraktor yang telah bekerjasama dengan Yayasan Warisan Johor akan hadir ke Galeri Dato Onn pada setiap bulan untuk menjalankan proses pembersihan di dalam bangunan dan juga kawasan luar bangunan. Namun, proses pembersihan artifak pula, pihak penjaga muzium dan pembantu muzium yang akan mengambil-alih sekiranya artifak tersebut terlampau berhabuk dan kotor. Dalam teori pendidikan tidak formal Watkins dan Marsick, ada menjelaskan bahawa dalam pengurusan organisasi pembangunan dan penjagaan institusi adalah sangat dititikberatkan supaya proses pembelajaran berjalan dengan lancar. Oleh disebabkan itu, pihak pengurusan Galeri Dato Onn telah mengambil inisiatif untuk meletakkan artifak-artifak ini di dalam almari bagi mengelakkan ianya kotor dan berhabuk. Proses konservasi memerlukan penelitian yang mendalam bagi mengelakkan kerosakan pada material bahan artifak tersebut dan dapat bertahan dengan lama.

Seterusnya, tugas pembantu muzium pula ialah merekod dan mengira jumlah kedatangan pelawat yang hadir ke Galeri Dato Onn setiap bulan. Pengkaji mendapati bahawa jumlah pelawat yang hadir ke Galeri Dato Onn akan dibahagikan mengikut kategori

seperti orang awam, pelancong luar dan pelajar sekolah dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT). Laporan bulanan dan laporan tahunan akan dijalankan setiap tahun. Laporan bulanan biasanya akan dihantar ke Yayasan Warisan Johor yang merangkumi jumlah kehadiran pengunjung, laporan kerosakan, dan laporan aktiviti yang dijalankan. Pegawai yang mengambil-alih bahagian pemuziuman di Yayasan Warisan Johor akan meminta pihak pengurusan muzium dan galeri di negeri Johor untuk menghantar laporan tersebut setiap bulan. Setiap kerosakan dalam sesuatu bangunan, artifak dan monumen hendaklah dilaporkan segera ke ibu pejabat Yayasan Warisan Johor bagi membuat permohonan peruntukan dana pembaikpulih dalam usaha memelihara dan memulihara warisan budaya ini dapat dijalankan. Tindakan dan refleksi sebegini sememangnya berkait rapat dalam teori pendidikan tidak formal Watkins dan Marsick yang memberikan penekanan terhadap pelindungan sejarah, semulajadi dan warisan budaya yang perlu sentiasa dipantau.

Perbezaan di antara muzium yang diselenggara oleh Yayasan Warisan Johor dan Muzium persendirian ialah muzium persendirian memerlukan tiket bayaran mengikut harga yang telah ditetapkan oleh pihak muzium berbeza pula, dengan muzium dan galeri di bawah Yayasan Warisan Johor khususnya Galeri Dato Onn tidak mengenakan apa-apa bayaran tiket masuk kepada para pengunjung.

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Berdasarkan hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa muzium persendirian bertanggunjawab sepenuhnya dalam pengurusan dan pentadbiran untuk membuat penyelenggaran serta pembaikpulih bahan-bahan artifak yang telah rosak. Keadaan ini berbeza pula dengan Galeri Dato Onn yang telah disediakan peruntukan khas daripada kerajaan Negeri Johor dalam setiap tahun bergantung kepada bajet dan kewangan kerajaan negeri bagi menjalankan pengurusan dan pentadbiran yang lebih cekap dalam membuat penyelenggaran koleksi dan artifak yang terdapat dalam Galeri Dato Onn.

4.1.3 Transisi Fungsi Galeri

Konsep dan pentadbiran muzium dilihat telah disesuaikan dan dikembangkan mengikut kepada keadaan semasa. Institusi muzium kekal relevan sehingga ke tahap ini kerana kesedaran tentang nilai dan kepentingan muzium kepada masyarakat. Mengelakkan kaitan muzium mengikut trend semasa adalah tugas yang sukar, walau bagaimanapun bagi memastikan muzium menjadi relevan dan responsif kepada isu sosial dan alam sekitar yang mendesak termasuk penduduk dan kemampunan, keadilan sosial, dan hak Orang Asli atau Orang Asli, terdapat beberapa pertimbangan yang mesti dibuat. (Zaini *et al.*, 2022). Maksud Transisi ialah peralihan daripada sesuatu keadaan mengikut kepada tempat, masa dan keadaan. Muzium di Malaysia juga mengalami perubahan fungsi mengikut kepada peredaran zaman. (Zaini *et al.*, 2022). Oleh disebabkan itu, Galeri Dato Onn, Batu Pahat, Johor juga mengalami perubahan fungsi yang tersendiri.

a) Peralihan Tanggungjawab

Setelah kerajaan negeri Johor menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya galeri dan muzium yang ada dibawahnya kepada Yayasan Warisan Negeri Johor matlamat utama masih lagi sama iaitu untuk memelihara dan memulihara seni warisan budaya di negeri Johor. Pada tahun 2006, tujuan awal pembinaan Galeri Dato Onn, Batu Pahat, Johor ini sebenarnya adalah untuk mendirikan Momorial Dato Onn Jaafar. Dewan Rakyat pada ketika itu telah bersetuju untuk menwujudkan satu momorial yang bernama Dato Onn Jaafar, oleh itu satu rangka kertas kerja telah dibuat dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri Johor.

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Berdasarkan petikan diatas jawaban yang diberikan oleh informan ini telah menunjukkan kepada pengkaji bahwasanya segala bentuk penambahbaikan, tanggungjawab serta pengurusan Bangunan Momorial Dato Onn Jaafar telah diberikan sepenuhnya kepada Yayasan Warisan Johor secara terus pada tahun 2007 oleh kerajaan negeri, dengan proses menaiktaraf serta kerja-kerja penambahbaikan bangunan yang rosak telah mencecah hampir RM 600,000. Hal ini berkiat rapat dengan menggabungkan

peristiwa kehidupan seharian iaitu ciri yang terdapat dalam teori Watkins dan Marsick menceritakan bahawa sesuatu peristiwa yang berlaku itu boleh dilihat dan disentuh melalui deria rasa. Peristiwa Dewan Rakyat yang menyokong penubuhan Momorial Dato Onn Jaafar memberikan lagi bukti yang kukuh dalam usaha ke arah mewujudkan institusi pendidikan tidak formal di daerah Batu Pahat.

b) Ancaman Bencana dan Perubahan Fungsi

Pada tahun 2007, setelah proses menaiktaraf bangunan momorial Dato Onn Jaafar ini hampir siap dibina maka proses pengisian bangunan di bahagian pameran sudah mula giat dijalankan. Namun, pada ketika itu bangunan momorial Dato Onn Jaafar mengalami kebakaran di kawasan ruang utama pameran sebanyak 40%. Keadaan ini telah memaksa pihak Yayasan Warisan Johor untuk menangguhkan proses penubuhan Bangunan Memorial ini.

(Informan 1 dan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Berdasarkan temubual yang dijalankan bersama informan oleh disebabkan berlakunya kebakaran di ruang pameran ini satu mesyuarat telah dibuat bagi membincangkan semula misi dan visi tentang proses mewujudkan Bangunan Memorial Dato Onn Jaafar ini. Oleh disebabkan itu, pihak pengurusan Galeri Dato Onn telah mencadangkan kepada Yayasan Warisan Johor untuk meminta kelulusan Kerajaan Negeri Johor bagi menukar nama Bangunan Memorial Dato Onn Jaafar kepada Galeri Dato Onn, Batu Pahat, Johor. Langkah ini bersesuaian dengan teori pendidikan tidak formal Watkins dan Marsick yang menekankan kepada refleksi dan tindakan yang perlu dibuat atau dipantau bagi menyelesaikan sesuatu masalah dalam sistem pendidikan walaupun ianya pembelajaran tidak secara langsung.

Memorial bertujuan untuk memperingati seseorang tokoh atau sesuatu peristiwa bersejarah. Manakala, Galeri ialah merupakan bangunan yang menempatkan pelbagai hasil seni antaranya lukisan, minyak di atas kanvas, lukisan akrilik, cat air, lukisan dakwat,


lukisan jenis lain, ukiran dan potongan kayu. Tujuan memulakan galeri adalah untuk mempamerkan hasil kerja artis. Galeri ialah harta persendirian yang dibiayai oleh individu atau organisasi untuk keuntungan. Muzium pula ialah tempat untuk mempamerkan artifak kuno, lukisan, zoologi, geologi dan lain-lain (Yusof, Mohd Azmi bin Mohd, 2012). Hal ini sangat bersesuaian dengan ciri teori Watkins dan Marsick iaitu pembelajaran dalaman dan luaran. dengan adanya galeri seni ini masyarakat khususnya golongan kanak-kanak akan mudah tertarik untuk mempelajari jenis-jenis lukisan dan berpeluang sendiri untuk mencuba melukis di galeri tersebut. Hal ini secara tidak langsung menjadi fungsi kepada pembelajaran dalaman dan menjurus kepada pendidikan tidak formal.

Tujuan utama memorial Dato Onn Jaafar adalah untuk mengfokuskan kepada tokoh sejarahwan negara iaitu Dato Onn Jaafar. Ianya menceritakan sejarah hidup tokoh sejarahwan bermula daripada susur galur keturunan Dato Onn Jaafar sehingga beliau wafat. Barang-barang antik atau lama telah disimpan dan diletakkan di Bangunan Memorial pada ketika itu. Namun selepas mengalami kebakaran dan nama Galeri Dato Onn digunakan pada tahun 2007, peranan tersebut turut mengalami perubahan.

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Pengkaji juga turut mendapati bahawa peranan galeri juga semakin meluas antaranya menyampaikan maklumat kepada orang awam berkaitan dengan sejarah daerah Batu Pahat, memperkenalkan warisan budaya yang ada disekitar daerah, dan menjadi tempat pengumpulan artifak atau monumen. Namun, fokus utama bangunan ini masih lagi sama iaitu menerangkan hikayat hidup tokoh sejarahwan negara iaitu Dato Onn Jaafar kepada masyarakat setempat khususnya bagi mereka yang tinggal di daerah Batu Pahat. Dalam penekanan teori Watkins dan Marsick juga turut menyebut bahawa untuk menjadi institusi pendidikan tidak formal salah satu cabaran terbesar adalah ancaman bencana seperti kebakaran, kecurian dan kerosakkan harta benda. Jelaslah disini, bahawa meskipun berlaku kebakaran di ruang pameran struktur bangunan Galeri Dato Onn masih

kukuh dan perubahan fungsi atau peranan di Galeri Dato Onn juga semakin meluas ke arah memelihara serta memulihara warisan budaya yang ada disekitar daerah Batu Pahat.



Rajah 4.1 (e) : Susur Jalur Keturunan Dato Onn Jaafar.


Sumber : Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan rajah 4.1 (e) ia merupakan susur jalur keturunan Dato Onn Jaafar. Dimulai dengan ayah kepada Dato Onn Jaafar iaitu Dato Jaafar Mohamed dan ibunya bernama Datin Rogayah Hanim Abdullah. Gambar rajah kotak yang berwarna biru adalah Bonda dan Ayahanda, warna ungu ialah isteri, warna hijau pekat ialah anak Dato Onn Jaafar, warna hijau cair ialah menantu, dan warna oren ialah cucu. Jika dilihat pada masa kini, pemimpin daripada ahli parlimen sembrong iaitu Dato Seri Hishamuddin merupakan anak kepada perdana menteri Malaysia ketiga iaitu Tun Hussein Onn dan cucu kepada Dato Onn Jaafar. Hal ini jelas, pendidikan yang diterapkan oleh Dato Onn Jaafar sememangnya memberikan kesan kepada perkembangan keluarga beliau.

4.2 Peranan Galeri Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal.

4.2.1 Definisi Institusi Pendidikan Tidak Formal

Menurut (Yusof, Mohd Azmi bin Mohd, 2012), menyatakan bahawa muzium dilihat sebagai kemudahan yang boleh memberi pengajaran sejarah dengan berkesan kerana ia menyimpan alat dan bahan sejarah yang bermakna. Strategik pengajaran ini digunakan melalui pameran dan koleksi untuk membantu masyarakat umum memahami ciri dan peringkat evolusi sesbuah tamadun dan masyarakat. Dalam kerangka masyarakat kontemporari, muzium berpotensi untuk mempelbagaikan proses penyaluran maklumat dan menawarkan pendidikan yang baik kepada masyarakat dan kanak-kanak khususnya tentang perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Strategi ini dapat membina sikap hormat-menghormati di samping membantu pelajar memahami dan menghayati sejarah dengan lebih baik. Pendidikan tidak formal adalah satu ilmu pengetahuan yang berada di luar skop Kementeriaan Pendidikan Malaysia dan Institusi Pendidikan Tinggi. Menurut informan menyatakan bahawa Galeri Dato Onn tergolong di dalam institusi pendidikan tidak formal berstruktur dan berkanun.



Rajah 4.2.1 (a) : Kategori dalam definisi Pendidikan Tidak Formal

Sumber : Kajian Lapangan, 2022

A) Pendidikan Tidak Formal Tidak Berstruktur/Tidak berkanun

Pendidikan tidak formal boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu pertama pendidikan tidak formal tidak berstruktur/badan berkanun dan yang kedua ialah pendidikan tidak formal berstruktur/berorganisasi. Menurut responden atau informan, pendidikan tidak formal tidak berstruktur atau tidak berkanun boleh ditakrifkan sebagai satu kaedah pembelajaran secara langsung yang diterima oleh seseorang individu di rumah melalui pembelajaran daripada ibu bapa dalam sesbuah institusi kekeluargaan

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Pengkaji juga mendapati bahawa pendidikan tidak formal tidak berstruktur atau tidak berkanun adalah satu bentuk pembelajaran secara tidak langsung di luar institusi pendidikan atau di sesbuah organisasi tertentu yang memaksa seseorang individu tersebut untuk mempelajarinya. Dalam teori pendidikan tidak formal Watkins dan Marsick juga ada menyatakan bahawa pembelajaran tidak formal termasuk dalam pembelajaran sampingan yang tidak mempunyai organisasi atau struktur yang tinggi namun membawa hasil sampingan yang berguna kepada individu tersebut. Sebagai contoh pendidikan tidak formal di rumah adalah mempelajari nasi goreng atau memasak. Individu tersebut akan mula mempelajari ilmu memasak daripada ibu bapa secara sukarela atau secara paksa supaya apabila ibu dan ayah mereka tidak ada di rumah maka individu tersebut sudah boleh berdikari dan memasak makanan seperti apa yang dipelajari daripada ibu ayah.

B) Pendidikan Tidak Formal Berstruktur/Berkanun

Pendidikan tidak formal berstruktur atau berkanun pula terdiri daripada beberapa institusi seperti muzium, badan sukarelawan (NGO), Zoo dan sebagainya. Apa yang membezakan pendidikan tidak formal berstruktur dengan tidak berstruktur ini ialah ianya mempunyai carta organisasi yang memainkan peranan penting dalam mencapai sesuatu misi dan visi institusi tersebut

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Petikan diatas mengukuhkan dalam ciri teori Watkins dan Marsick yang menyebut pembelajaran tidak formal memerlukan organisasi pembelajaran yang mampan. Organisasi pembelajaran memainkan peranan penting dalam mentadbir urus sesebuah institusi agar selari dengan agenda, misi dan visi institusi tersebut tercapai. Maksud muzium itu sendiri adalah sebagai satu tempat pengumpulan atau penyimpanan barang-barang sejarah seperti artifak dan monumen yang dapat memberikan info dan maklumat penting kepada masyarakat atau orang awam amnya melalui pameran yang dibuat oleh pihak muzium. Hal ini membuktikan bahawa muzium itu sendiri sememangnya terletak dibawah pendidikan tidak formal berstruktur atau berorganisasi.

Di samping itu, Yayasan Warisan Johor (YWJ) bertanggungjawab sepenuhnya kepada Galeri Dato Onn dalam menjaga, memulihara dan memelihara bangunan tersebut. Secara automatik, Galeri Dato Onn ini telah menjadi sebahagian daripada institusi pendidikan tidak formal khasnya kepada masyarakat di daerah Batu Pahat dan masyarakat di luar kawasan negeri Johor. Oleh disebabkan itu, pekerja di Galeri Dato Onn bertanggungjawab sepenuhnya sebagai orang yang memberikan maklumat penting dalam menyampaikan pendidikan kepada masyarakat setempat dan menjadi sumber rujukan kepada orang luar bagi mengetahui sejarah daerah Batu Pahat, hikayat hidup Dato Onn Jaafar, serta artifak atau monumen yang terdapat dalam galeri ini.

Zoo juga merupakan salah satu contoh institusi pendidikan tidak formal berstruktur selain muzium dan galeri di Malaysia. Zoo menjadi tempat pelbagai jenis haiwan peliharaan untuk dilihat oleh pengunjung baik dalam negara maupun pelancong luar negara. Jika dilihat, zoo juga mempunyai carta organisasi yang tersusun mengikut kepada jawatankuasa pihak zoo.

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Ayat petikan diatas telah menjelaskan lagi bahawa Zoo juga merupakan sebahagian daripada pendidikan tidak formal di Malaysia. Tugas utama dalam organisasi zoo khususnya kakitangan zoo adalah untuk menyampaikan maklumat berkaitan dengan haiwan peliharaannya bermula dari segi penjagaan, undang-undang, habitat asal haiwan, dan sebagainya. Proses penyampaian maklumat ini secara tidak langsung merupakan salah satu proses pendidikan tidak formal kepada masyarakat atau orang awam. Jelaslah disini bukan sahaja muzium dan galeri sahaja boleh dikatakan pendidikan tidak formal malahan zoo, badan sukarelawan, dan sebagainya juga memainkan peranan yang penting dalam pendidikan tidak formal berstruktur ini.

4.2.2 Aktiviti dan program yang pernah dijalankan di Galeri Dato Onn.


Pada tahun 2007, setelah Bangunan Memorial berlaku kebakaran dan nama Galeri Dato Onn digunapakai, peranan serta tanggungjawab Galeri Dato Onn juga turut semakin berkembang dan meluas. Pada peringkat awal, peranan memorial hanyalah menfokuskan kepada tokoh sejarahwan iaitu Dato Onn Jaafar. Namun setelah berlakunya perubahan nama Galeri Dato Onn mula memainkan peranan penting dalam memelihara serta memulihara warisan budaya yang terdapat di daerah Batu Pahat.

Fokus utama Galeri Dato Onn ditubuhkan adalah sebagai tempat mempamerkan pelbagai jenis artifak, monumen, dan penceritaan riwayat hidup tokoh sejarahwan negara iaitu Dato Onn Jaafar. Oleh itu, pihak pengurusan Galeri secara langsung telah mengambil inisiatif dengan menjemput dan mengalu-alukan pihak luar seperti pihak sekolah, pihak kerajaan, dan pihak swasta sebagai contoh persatuan-persatuan NGO lain untuk turut serta dalam mengadakan aktiviti dan program di Galeri Dato Onn.

(Informan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji semasa sesi temubual berlangsung, ada beberapa program dan aktiviti yang dijalankan di Galeri Dato Onn ini tidak mempunyai kaitan langsung dengan fokus utama misi dan visi galeri, jadi ianya adalah

sebagai salah satu langkah dalam usaha untuk memperkenalkan Galeri Dato Onn kepada masyarakat awam khususnya penduduk di sekitar daerah Batu Pahat. Hal ini kerana, masih ramai lagi masyarakat di daerah Batu Pahat ini sendiri yang masih lagi belum mengenali akan kewujudan Galeri Dato Onn ini. Kesan yang boleh dilihat sekiranya program dan aktiviti seperti ini dijalankan adalah pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja, dan orang dewasa semakin mula mengenali tentang kewujudan Galeri Dato Onn ini meskipun pendedahan awal tentang kewujudannya masih lagi tidak diketahui oleh masyarakat setempat. Hal ini berkait rapat dengan teori Watkins dan Marsick yang menyatakan bahawa pendidikan tidak formal ini adalah salah satu bentuk pembelajaran secara spontan yang memerlukan tindakbalas antara penyampai maklumat dan penerima maklumat dalam sesebuah program.



Rajah 4.2.2 (a) : Program dan aktiviti yang dijalankan mengikut peringkat fasa

Sumber : Kajian Lapangan, 2022

Penggunaan media sosial sememangnya memainkan peranan yang besar dalam mempromosikan sesuatu tempat, menyampaikan maklumat serta memberikan ilmu pengetahuan yang luas kepada masyarakat setempat. Oleh disebabkan, perkembangan

zaman dan peredaran masa Galeri Dato Onn telah mengambil inisiatif dibawah Yayasan Warisan Johor untuk mempromosikan galeri ini kepada orang awam dan masyarakat setempat. Penggunaan gajet secara meluas pada masa kini seperti tablet, telefon, laptop dan sebagainya mendorong Galeri Dato Onn untuk menyampaikan maklumat di dalam media sosial seperti di Facebook, Instagram dan Laman web. Pihak pengurusan Yayasan Warisan Johor dibawah bahagian korporat juga akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengemaskini segala bentuk aktiviti dan program di media sosial dan laman web rasmi Yayasan Warisan Johor.

- A) Program Jom Masuk Muzium dengan kerjasama di antara Pihak Yayasan Warisan Johor dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Bahagian Pemuziuman juga akan sentiasa mengemaskini serta memuat naik apa-apa jenis aktiviti dan program yang dijalankan di galeri atau muzium dibawah penyelenggaran Yayasan Warisan Johor. Sebelum penularan wabak pandemik covid 19, Yayasan Warisan Johor pernah mengjayakan satu program yang dikenali sebagai Program Jom Masuk Muzium dengan kerjasama dan kolabiasi daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

(Informan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Pengkaji mendapati bahawa dengan kerjasama tersebut Yayasan Warisan Johor dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor akan membuat pemilihan bagi memilih beberapa buah sekolah di negeri Johor yang dianggap sebagai sekolah berpotensi tinggi dalam mengetengahkan warisan budaya mengikut zon daerah. Di daerah Batu Pahat, pihak pengurusan Galeri Dato Onn akan berkerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat, Pejabat Pendidikan Daerah Muar, dan Pejabat Pendidikan Daerah Kluang dalam melestarikan warisan budaya yang terdapat di negeri Johor.



Gambar 4.2.2 (a) : Kunjungan dari Unit Pembangunan, Pejabat Pendidikan Daerah Batu

Pahat pada 18 Julai 2018

Sumber : Internet, 2022

Gambar 4.2.2 (a) menunjukkan bahawa kunjungan dari unit pembangunan, iaitu pejabat pendidikan daerah Batu Pahat pada tahun 2018. Kunjungan ini adalah bertujuan untuk tinjauan bagi menjalankan kerjasama yang erat di antara PPD Batu Pahat dan Galeri Gato Onn sebagai institusi pendidikan di daerah Batu Pahat.

Oleh disebabkan, daerah Muar dan daerah Kluang tidak mempunyai muzium atau galeri yang diselenggara dibawah Yayasan Warisan Johor, pihak pengurusan Yayasan Warisan Johor telah mengamanahkan tanggungjawab kepada pihak Galeri Dato Onn untuk menjayakan Program Jom Masuk Muzium bersama-sama dengan daerah yang berdekatan dengan daerah Batu Pahat. Program Jom Masuk Muzium ini juga mempunyai beberapa fasa dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Yayasan Warisan Johor

(Informan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Hasil dapatan kajian pengkaji mendapat terdapat tiga fasa mengikut bulan dan tahun yang mana fasa pertama ini bermula daripada bulan Januari sehingga Mac, fasa kedua pula bermula dari bulan April sehingga Julai, dan fasa ketiga bermula dari bulan Ogos sehingga November. Dengan pembahagian fasa-fasa ini program ini dapat disusun dan diatur mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Kesannya banyak sekolah akan mula mengetahui akan kewujudan Galeri Dato Onn ini. Pada fasa pertama ini, pihak pengurusan Galeri Dato Onn akan memilih sekolah-sekolah di daerah Batu Pahat terlebih dahulu. Sekolah-sekolah yang dipilih di daerah Batu Pahat ini adalah dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat dan biasanya sekolah-sekolah terpilih ini akan diberikan jadual dan tarikh yang telah ditetapkan oleh PPD kepada sekolah tersebut untuk hadir sendiri ke Galeri Dato Onn.

Hal ini bersesuaian dengan teori pendidikan tidak formal Watkins dan Marsick yang menyatakan bahawa pendidikan tidak formal adalah satu bentuk pembelajaran secara tidak langsung. Hal ini kerana dengan program sebegini dijalankan yang mana tanpa memerlukan bilik darjah, mahupun struktur tinggi proses pembelajaran juga turut berjalan dengan lancar. Contohnya pada bulan Januari akan ada dua buah sekolah yang akan datang melawat ke Galeri Dato Onn tidak kira ianya sekolah rendah mahupun sekolah menengah, berterusan pada bulan Februari sehingga lahir pada bulan Mac tahun tersebut. Begitu juga di daerah Muar, Pejabat Pendidikan Daerah Muar akan memilih sekolah-sekolah yang dianggap sebagai sekolah yang berpotensi tinggi dalam mengetengahkan warisan budaya untuk dihantar ke Galeri Dato Onn.

Di samping itu, keadaan ini adalah bertujuan bagi menyahut seruan Pejabat Pendidikan Negeri Johor dalam menyertai program Jom Masuk Muzium. Keadaan ini berterusan sehingga ke fasa ketiga dimana sekolah-sekolah di daerah Kluang pula, akan dipilih untuk menyertai Program Jom Masuk Muzium. Sekolah-sekolah yang dipilih ini biasanya melalui Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing. Kewujudan persatuan

sejarah dan galeri yang aktif di sebuah sekolah itu juga menjadi satu asbab mengapa sekolah tersebut dipilih dan dijemput untuk hadir ke Galeri Dato Onn bagi menyertai Program Jom Masuk Muzium. Usaha dan langkah yang dijalankan oleh pihak pengurusan Galeri Dato Onn ini sedikit sebanyak menjadikan pihak sekolah akan merasakan bahawa usaha yang lakukan oleh pihak sekolah itu sendiri yang mengaktifkan persatuan sejarah dalam mewujudkan galeri di sekolah dihargai dan pandang oleh pihak luar.

B) Program Pameran secara berkala.


Sebelum berlakunya wabak penularan pandemik covid 19, pihak Galeri Dato Onn pernah menjalankan pameran secara berkala. Program pameran secara berkala ini adalah pameran yang lain daripada pameran sedia ada. Maksudnya disini ialah pameran sedia ada di Galeri Dato Onn ini mengfokuskan kepada pameran dan penceritaan Dato Onn Jaafar, namun ianya pula berbeza dengan pameran berkala yang mana ianya lebih mengfokuskan kepada pameran sejarah yang lain

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Petikan diatas menjelaskan bahawa pameran berkala adalah salah satu tarikan pengunjung ke Galeri Dato Onn. Antara pameran berkala yang pernah dijalankan ialah pameran duit syiling lama dan pameran pemainan kulit Peruo Jawa. Pameran berkala ini akan dilakukan dalam dua atau tiga kali dalam setahun bertujuan bagi menarik minat orang ramai untuk datang sendiri ke Galeri Dato Onn. Program pameran berkala ini biasanya akan dimulai dengan majlis perasmian atau majlis pembukaan. Pihak pengurusan galeri akan menjemput wakil-wakil terhormat seperti VVIP, ahli dewan undangan negeri, wakil majlis perbandaran daerah Batu Pahat dan pihak sekolah yang terlibat dalam menjayakan majlis perasmian dan pembukaan program tersebut seperti program pameran duit syiling lama dan pameran permainan kulit Peruo Jawa.

Namun, disebabkan penularan wabak pendemik covid-19, program-program sebegini tidak dapat dilakukan dan dijalankan bagi menyangut saranan daripada pihak

Kementerian Kesihatan Malaysia dengan mengikut “Standard Operating Procedure” (SOP) iaitu perintah kawalan pergerakan. Di mana, aktiviti sosial yang melibatkan perhimpunan orang ramai dan aktiviti yang berisiko jangkitan covid-19 tidak akan dibenarkan.



Gambar 4.2.2 (b) : Notis penutupan sementara premis di bawah pentadbiran Yayasan Warisan Johor berkuatkuasa 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020.

Sumber : Internet, 2022

Tujuan utama mengapa pihak pengurusan Galeri Dato Onn ini mengadakan program secara berkala adalah untuk memperkenalkan Tokoh Sejarahwan negara iaitu Dato Onn Jaafar. Hal ini demikian kerana, apabila pelawat mahupun pengunjung hadir ke galeri untuk menyertai program secara berkala keadaan ini secara tidak langsung membuatkan pelawat atau pengunjung tersebut akan tertarik untuk mengetahui pameran sedia ada mengenai sejarah penceritaan hidup Dato Onn Jaafar, maklumat mengenai artifak atau barang-barang lama dan monumen-monumen bersejarah lain

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Kaedah ini sedikit sebanyak membuatkan semakin ramai orang awam khususnya penduduk di sekitar daerah Batu Pahat untuk mengetahui tentang kewujudan Galeri Dato

Onn ini disamping mencari maklumat terperinci mengenai sejarah asal usul daerah Batu Pahat serta warisan budaya yang terdapat di negeri Johor.

C) Aktiviti gotong-royong membersihkan Galeri Dato Onn



Gambar 4.2.2 (c) : Lawatan & Program Khidmat Masyarakat Pelajar SMK Dato' Onn

Jaafar Dan Sukarelawan Darul Takzim Di Galeri Dato' Onn.

Sumber : Internet, 2022

Program gotong-royong bagi membersihkan kawasan luar Galeri Dato Onn juga pernah dijalankan oleh pihak pengurusan galeri dengan kerjasama persatuan rakan muda dari pelajar sekolah SMK Dato' Onn. Lawatan dan program khidmat masyarakat dari persatuan rakan muda SMK Dato Onn ini adalah salah satu langkah yang telah diambil oleh pihak pengurusan dalam mempromosikan Galeri Dato Onn ini kepada pelajar-pelajar sekolah menengah khususnya sekolah-sekolah yang berada di sekitar daerah Batu Pahat

(Informen 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Pengkaji juga mendapati bahawa pihak pengurusan Galeri Dato Onn amat mengalu-alukan kehadiran persatuan-persatuan sekolah seperti ini untuk mengadakan apa-apa program di sekitar Galeri Dato Onn. Kehadiran mereka ke Galeri Dato Onn memudahkan pihak Galeri untuk menyampaikan maklumat dan info yang bermanfaat kepada mereka akan pameran sedia ada seperti jenis-jenis artifak, monumen, dan penceritaan riwayat hidup tokoh sejarahwan negara iaitu Dato Onn Jaafar. Jelas disini bahawa ia berkait rapat dengan teori Watkins dan Marsick yang menyatakan bahawa pembelajaran tidak formal menghubungkan kepada pembelajaran lain seperti pengalaman, sains, dan ilmu pengetahuan baik tersurat mahupun tersirat.

D) Program 'Rock Your Spirit' Konvoi Patriotisme Anak Malaysia



Gambar 4.2.2 (d) : Anjuran Pejabat Belia & Sukan Daerah Batu Pahat yang ditutup secara rasmi oleh Tuan Haji Halim B Hasbullah Pegawai Daerah Batu Pahat

Sumber : Internet, 2022

E) Kaedah yang dijalankan dalam mempromosikan Galeri Dato Onn

Warisan budaya yang terdapat di negeri Johor seperti zapin, kuda kepang, barongan, nasi ambeng, mee bandung dan sebagainya menjadikan negeri Johor ini mempunyai keunikan tersendiri. Oleh disebabkan itu, pihak kementerian pelancongan, seni dan budaya Malaysia negeri Johor telah menjalinkan kerjasama bersama Yayasan Warisan Johor dalam mencapai matlamat memelihara serta memulihara warisan budaya masyarakat di negeri Johor. Kenyataan ini diperkuuhkan lagi oleh informan dengan menyatakan:

Segala aktiviti yang melibatkan promosi galeri dan muzium di negeri Johor adalah dibawah tanggungjawab Yayasan Warisan Johor. Kedudukan Daerah Batu Pahat yang strategik menghadap laut Selat Melaka membuatkan ramai pelancong luar dan dalam negara mudah untuk datang ke galeri ini. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Johor juga banyak membantu Yayasan Warisan Johor dalam menarik minat orang awam hadir ke negeri Johor.

(Informan 1 dan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Dalam Teori Pendidikan tidak formal Watkind dan Marsick ada menyebutkan, bahawa pembelajaran boleh berlaku di tempat kerja, untuk membantu organisasi beroperasi, lebih cekap, berlakunya bukan struktur, iaitu satu cara pembelajaran di luar bilik darjah aktiviti pembelajaran tidak formal (Watkins & Marsick, 1992). Membantu organisasi beroperasi boleh dikaitkan dengan kerjasama yang dijalankan antara Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor dalam mengetengahkan warisan budaya yang terdapat di negeri Johor.

Antara kaedah yang dijalankan bagi mempromosikan warisan budaya negeri johor melalui penggunaan teknologi. Penggunaan teknologi moden seperti penggunaan gajet pada hari ini sememangnya mempengaruuh masyarakat awam khususnya kanak-kanak, remaja dan orang dewasa. Oleh disebabkan itu, pengkaji mendapati Yayasan Warisan Johor telah mengambil insiatif yang berkesan dengan memuat naik apa-apa bentuk aktiviti

dan program yang telah dijalankan di dalam media sosial seperti google (Laman Web Rasmi) Tiktok, Youtube, Instagram dan Whatsapp sebagai langkah yang paling berkesan dalam menarik minat orang awam khususnya orang Johor untuk datang sendiri ke Galeri dan Muzium yang terdapat di negeri Johor. Kesannya yang dapat dilihat orang orang sudah mula mengenali akan warisan budaya yang terdapat di negeri Johor bak kata pepatah melayu “tak basah dek hujan tak lekang dek panas’ yang memberi maksud warisan budaya sesuatu masyarakat itu haruslah dipertahankan dan ditengahkan.

4.2.3 Sebagai sumber rujukan dan panduan kepada masyarakat setempat.

Menurut Hidayah and Yuszaidy (2017) menyatakan definisi sumber rujukan pula adalah sebarang bentuk bahan yang boleh dirujuk sepanjang PdPc berjalan. Buku teks, carta, gambar, kamus, ensiklopedia, nota dan laman web adalah beberapa contoh sumber rujukan yang baik. Dalam konteks pendidikan tidak formal di Galeri Dato Onn ini, sememangnya menjadi tempat rujukan bagi masyarakat di daerah Batu Pahat. Pengkaji mendapati bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengambil inisiatif dalam membangunkan galeri sekolah sebagai pusat sejarah pembangunan di sesebuah sekolah.

Oleh disebabkan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan Pertandingan Galeri Sejarah Peringkat Kebangsaan. Meskipun, pertandingan ini hanya terdapat beberapa sekolah sahaja yang mengambil inisiatif peluang dan ruang dalam mewujudkan Galeri di sekolah tersebut bagi menyertai pertandingan. Kesannya, setelah pertandingan ini diadakan semakin banyak sekolah-sekolah di Malaysia ini baik sekolah rendah mahupun sekolah menengah telah mengambil peluang untuk menujuhan Galeri sejarah di sekolah. Peluang dan ruang ini berkait rapat dengan ciri teori pendidikan tidak formal Watkins and Marsick yang sangat menitikberatkan pembelajaran secara dalaman dan luaran. Pembelajaran secara luaran ini bermaksud melibatkan program, pertandingan dan aktiviti berfaedah yang dianjurkan oleh pihak muzium dan galeri tersebut.

- A) Membantu pihak Sekolah Kebangsaan Parit Raja dalam pertandingan galeri sejarah peringkat kebangsaan.

Hanya di beberapa daerah sahaja yang mempunyai muzium dan galeri dibawah penyelenggaraan Yayasan Warisan Johor. Antara daerah yang dimaksudkan ialah Daerah Batu Pahat, Daerah Mersing, Daerah Johor Bharu, dan Daerah Kota Tinggi. Oleh disebabkan, daerah Batu Pahat mempunyai Galeri Dato Onn maka ia telah menjadi sebagai pusat sumber rujukan kepada orang awam dalam mengenali tokoh sejarahwan negara iaitu Dato Onn Jaafar dan sejarah daerah Batu Pahat

(Informan 1 dan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

. Dalam petikan ini menunjukkan bahawa Yayasan Warisan Johor amat menjaga kelestarian muzium dan galeri dibawahnya. Oleh disebabkan Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengadakan pertandingan Galeri Sejarah Peringkat Kebangsaan. Pihak pengurusan Galeri Dato Onn telah membantu sekolah-sekolah yang bertanding dalam pertandingan Galeri Sejarah Peringkat Kebangsaan antaranya sekolah yang pernah dibantu ialah sekolah kebangsaan Parit Raja telah dipilih selaku wakil negeri Johor.

Alhamdulillah sekolah kebangsaan Parit Raja, Batu Pahat telah dinobatkan sebagai naib johan dalam pertandingan tersebut. Pandangan dan dorongan daripada pihak Galeri Dato Onn telah banyak membantu sekolah ini untuk terus berjaya mengharumkan nama dan galeri di negeri Johor.

(Informan 1 dan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Antara sebab mengapa sekolah kebangsaan Parit Raja dipilih untuk mewakili negeri Johor dalam pertandingan galeri sejarah peringkat kebangsaan adalah kerana sekolah tersebut telah mendirikan galeri sejarah. Penubuhan Galeri Sejarah di sekolah tersebut telah membuatkan sekolah tersebut aktif dalam bidang warisan. Galeri sejarah yang ditubuhkan hendaklah mengikut kriteria galeri dan muzium di negeri Johor. Oleh itu, pihak

sekolah kebangsaan Parit Raja telah membuat permohonan khidmat nasihat daripada Galeri Dato Onn untuk membuat susun atur dalam pertandingan galeri sejarah.

- B) Membantu pelajar-pelajar sekolah untuk membuat kerja kursus dan tugasan.

Galeri ini sememangnya sangat sesuai untuk dijadikan tempat sebagai pusat rujukan pendidikan tidak formal. Informan juga turut menyatakan bahawa sebelum-sebelum ini ada beberapa pelajar sekolah menengah yang hadir ke Galeri Dato Onn untuk menjalankan tugasan dan kerja kursus. Pihak Galeri Dato Onn juga sangat mengalu-alukan kehadiran mereka dalam melengkapkan tugasan dengan memberikan maklumat dan info yang berkaitan soalan dan objektif pelajar tersebut

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Kajian yang dijalankan oleh pelajar-pelajar ini menunjukkan Galeri Dato Onn memainkan peranan dan fungsinya dalam menjadi institusi pendidikan tidak formal. Hal ini berkait rapat dengan teori Watkins dan Marsick menyebut pendidikan tidak formal tidak adalah salah satu pembelajaran secara tidak langsung yang tidak memerlukan bilik darjah atau buku teks semata-mata malahan ianya lebih mengfokuskan kepada kajian serta penyelidikan yang khususnya. Pengkaji juga mendapati bahawa ada beberapa pelajar yang datang hanya untuk mengkaji sejarah bangunan Galeri Dato Onn, namun pihak pengurusan juga ada memberikan maklumat yang lebih luas lagi dengan mengaitkan koleksi-koleksi yang dipamerkan dan menyampaikan maklumat yang berkaitan dengan tokoh sejarahwan Dato Onn Jaafar. Bahan-bahan seperti pelan bangunan dan maklumat juga diberikan pelajar tersebut. Kesannya pelaja tersebut secara langsung akan memperkenalkan kepada guru-guru di sekolah bahawa Galeri Dato Onn sememangnya mempunyai pelbagai peranan dalam institusi pendidikan negara. Hal ini dapat menarik lebih ramai lagi pengunjung untuk hadi ke Galeri Dato Onn.



Gambar 4.2.3 (a) : Pelajar SMK Tinggi Batu Pahat dan SMK Dato' Bentara Luar Batu

Pahat kerana mengunjungi galeri bagi membuat kajian sejarah.

Sumber : Internet, 2022

Gambar diatas, merupakan maklumat yang diperolehi pengkaji daripada sumber internet. Gambar ini menunjukkan dua orang pelajar sekolah daripada SMK Tinggi Batu Pahat dan SMK Dato'Bentara Luar Batu Pahat hadir ke Galeri Dato Onn untuk menyiapkan tugas kerja kursus yang diberikan oleh cikgu mereka. Sesi temubual dan soal jawab telah dibuat banyak membantu pelajar berkenaan dalam mencapai objektif kajian. Pada peringkat awal sesi temubual dijalankan mereka hanya mengfokuskan kepada sejarah

berkaitan bangunan Galeri Dato Onn tanpa meminta pelan asal bangunan tersebut. Hal ini diperkuatkan lagi dengan dapatan kajian pengkaji dalam sesi soal jawab bersama informan,

Pihak Galeri Dato Onn telah menyerahkan pelan bangunan kepada pelajar tersebut bagi mencapai objektif yang lebih fleksibel. Pelan bangunan ini dapat membantu pelajar tersebut sebagai alat atau bahan bantu mengenai bukti kehadiran mereka ke Galeri Dato Onn. Hal ini sememangnya adalah langkah yang terbaik dalam menarik lebih ramai lagi pelajar untuk datang ke Galeri Dato Onn sebagai pusat sumber rujukan.

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

C) Tempat mengisi masa lapang dan rujukan keluarga.

Maklumat dan info yang disampaikan oleh pihak pengurusan Galeri Dato Onn kepada keluarga tersebut berkenaan sejarah hidup tokoh sejarahawan negara Dato Onn Jaafar, koleksi-koleksi sejarah yang dipamerkan dan warisan budaya yang terdapat di daerah Batu Pahat sedikit sebanyak dapat membantu mereka menambahkan ilmu pengetahuan dan menjadi teladan kepada anak-anak untuk lebih menghargai perjuangan orang-orang terdahulu dalam mendapatkan kemerdekaan Tanah Air. Dalam teori Pendidikan tidak formal Watkins dan Marsick menekankan kepada pembelajaran yang mengandungi refleksi dan tindakan. Pembelajaran melalui penceritaan sejarah tokoh, koleksi dan warisan budaya sedikit sebanyak membantu orang ramai menghayati perjuangan Dato Onn Jaafar dalam mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu dengan penghayatan tanpa sedar. Kenyataan ini dapat dibuktikan berdasarkan petikan di bawah oleh pengkaji bersama informan.

Pada waktu hujung minggu merupakan antara waktu yang paling banyak menerima kunjungan dan lawatan daripada orang ramai. Kehadiran orang ramai khususnya masyarakat di sekitar Batu Pahat pada hujung minggu menjadikan Galeri Dato Onn ini sebagai tempat mengisi masa lapang masyarakat. Kebanyakkannya kehadiran pengunjung terdiri daripada masyarakat sudah berkeluarga seperti ibu dan ayah yang akan membawa anak-anak mereka datang ke Galeri Dato Onn ini pada hujung minggu sebagai tempat untuk mengisi masa lapangan mereka.

(Informan 1 dan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)



Gambar 4.2.3 (b) : Kehadiran keluarga yang datang ke Galeri Dato Onn semasa sesi Temubual pengkaji bersama informan.

Sumber : Kajian lapangan, 2022

4.3 Cabaran Galeri dalam menjadi sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal

Menurut sumber internet iaitu kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, dari Kamus Pelajar Edisi Kedua cabaran merujuk kepada ajakan untuk berlawan atau tantangan; sesuatu yang mencabar contoh ayat: Hidup ini penuh dengan cabaran. Manakala berdasarkan sumber internet kamus Oxford, cabaran atau “challenge” ditakrifkan sebagai panggilan kepada seseorang untuk mengambil bahagian dalam situasi yang kompetitif atau berjuang untuk memutuskan siapa yang lebih unggul dari segi kemampuan atau kekuatan.

Menurut Ahmad (2019) dalam artikel kesedaran muzium baru di Malaysia menyatakan dalam konteks Muzium dan galeri, cabaran merupakan salah satu masalah yang perlu ditempuhi oleh pihak pengurusan Galeri Dato Onn. Umum, mengetahui bahawa muzium dan galeri di Malaysia ini memainkan peranan sebagai menyelidik, mengumpul serta memelihara warisan budaya sesebuah masyarakat. Fungsi muzium tersebut juga memainkan peranan yang penting dalam menempuh cabaran masa hadapan pihak pengurusan galeri. Pameran, ceramah, dan program yang dijalankan di Galeri Dato Onn ini juga mempunyai cabaran dari segi pengurusan, masa, tempat dan sebagainya.

Oleh disebabkan itu, informan atau pihak Galeri Dato Onn membahagikan kepada pengkaji empat bahagian cabaran yang harus ditempuhi dalam pengurusan Galeri Dato Onn. Antara contoh cabaran dan halangan dalam konteks pengurusan ialah seperti pameran koleksi artifak, laporan, dan pengurusan dalam mengurus sesuatu program di Galeri Dato Onn

(Informan 1 dan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)



Rajah 4.3 : Berikut merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh Galeri Dato Onn dalam SWOT

Sumber : Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji mendapati bahawa pihak Yayasan Warisan Johor dibawah bahagian Pemuziuman terutamanya unit muzium dan galeri mempunyai beberapa cabaran yang diketengahkan dimana cabaran ini merangkumi beberapa pecahan baik dari sudut pandangan positif dan negatif. Di pihak pengurusan Galeri Dato Onn, dapat disimpulkan bahawa cabaran-cabaran ini sedikit sebanyak telah menghalang pihak muzium dan galeri di negeri Johor untuk terus maju dalam sektor seni dan warisan budaya.

4.3.1 Kekuatan

- A) Identiti bangunan lama yang menjadi tarikan orang ramai.

Pengkaji mendapati bahawa, dari sudut kekuatan Galeri Dato Onn ini adalah melalui sejarah bangunan tersebut yang mempunyai pelbagai kisah sejarah dan cerita yang menarik. Umum mengetahui bahawa identiti bangunan ini dahulunya adalah tempat kediaman Dato Onn Jaafar semasa beliau memegang jawatan sebagai pegawai Daerah Batu Pahat. Hal ini berkait rapat dengan teori pendidikan tidak formal Watkins dan Marsick yang menyatakan pendidikan tidak formal itu dipengaruhi oleh peristiwa yang jarang berlaku. Peristiwa penjajahan kolonial British di tanah Melayu telah memberikan kesan yang cukup besar terhadap perkembangan negara. Pengaruh kolonial seperti senibina, sistem pemerintahan, ekonomi menjadi penanda aras kepada kemajuan negara Malaysia kini. Hal ini dapat dibuktikan lagi dengan dapatan kajian semasa sesi temubual berlangsung.

Identiti bangunan yang berkonsepkan kolonial pemerintahan British di Tanah Melayu ini, sedikit sebanyak menarik minat masyarakat untuk melihat sendiri berkenaan dengan keunikan ciri-ciri seni bina inggeris bermula dari segi bumbung, corak, struktur bangunan dan sebagainya. Bukan itu sahaja, bangunan ini juga turut merupakan salah satu bangunan yang menarik di Daerah Batu Pahat kerana hanya di kawasan Galeri atau kaki Bukit Soga ini sahaja mempunyai bangunan-bangunan lama semasa pemerintahan British

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)



Gambar 4.3.1 (a) : Pengkaji berada di hadapan Bangunan Galeri Dato Onn

Sumber : Kajian Lapangan, 2022

B) Kedudukan yang strategik.

Kedudukan Galeri Dato Onn yang berada di belakang kaki bukit mempengaruhi kehadiran pengunjung untuk hadir ke Galeri Dato Onn. Kawasan yang berhampiran padang Golf dan hutan hujan tropika ini menjanjikan pemandangan yang nyaman dan sejuk kepada para pengunjung. Dalam teori pendidikan tidak formal Watkins dan Marsick juga ada menyatakan bahawa pembelajaran tidak formal boleh menggalakkan persekitaran pembelajaran organisasi kondusif untuk pertumbuhan. Hal ini berkait rapat dengan suasana persekitaran Galeri Dato Onn yang menjadi punca kepada pembelajaran yang kondusif. Bagi mereka yang meminati alam semulajadi sememangnya akan memilih Galeri Dato Onn ini sebagai destinasi pelancongan mereka, disamping menambah ilmu pengetahuan akan sejarah tokoh sejarahwan negara iaitu Dato Onn Jaafar, dan artifak atau monumen yang dipamerkan di Galeri ini. Hal ini dapat dibuktikan semasa sesi temubual pengkaji bersama informan berdasarkan petikan ayat dibawah :

Galeri dan muzium yang terletak di kawasan tengah-tengah bandar mungkin mengalami cabaran yang berbeza seperti kesesakan lalulintas, pencemaran bunyi dan pencemaran udara. Kedudukan Galeri Dato Onn yang berada dipinggir bandar dan terletak di kaki Bukit Soga menjadikan Galeri ini mudah untuk didatangi oleh para pelancong dalam dan luar negara disamping suasana aman damai dan udara segar.

(Informan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)



Gambar 4.3.1 (b) : Suasana di sekitar kawasan luar Galeri Dato Onn

Sumber : Kajian Lapangan, 2022

C) Keindahan landskap yang menarik.

Pihak pengurusan Galeri Dato Onn juga telah mengambil inisiatif yang bijak dengan mencantikkan bahagian langskap di kawasan luar galeri. Penyelenggaran dibuat adalah bertujuan untuk mencantikkan suasana persekitaran di luar kawasan Galeri Dato Onn. Penyelenggaran bukan sahaja tertumpu kepada bahagian landskap tumbuh-tumbuhan sahaja malahan ianya merangkumi kepada aspek lain seperti penyediaan wakaf untuk pengunjung berehat di kawasan luar galeri. Penyediaan wakaf ini bertujuan supaya pengunjung dapat menikmati suasana halaman galeri yang sejuk dan damai disamping melihat landskap tumbuh-tumbuhan yang dibuat. Kesannya semakin ramai penduduk di sekitar Batu Pahat yang menjadikan Galeri Dato Onn ini sebagai tempat untuk beriadah

dan tempat lawatan. Keadaan ini membantu pengurusan Galeri Dato Onn untuk terus maju dalam proses mempromosikan tempat ini sebagai institusi pendidikan tidak formal.

D) Mendapat bantuan promosi daripada Majlis Perbandaran Daerah Batu Pahat.

Pada masa kini, pihak Galeri Dato Onn telah dibantu oleh majlis Perbandaran Daerah Batu Pahat dalam mempromosikan kawasan ini. Sehingga kini, masih ramai lagi yang tidak tahu akan kewujudan Galeri Dato Onn di kalangan masyarakat daerah Batu Pahat. Oleh disebabkan itu, Pihak perbandaraan Daerah Batu Pahat telah memainkan peranannya dalam mengetengahkan warisan budaya yang terdapat di daerah Batu Pahat dengan mempromosikan Galeri Dato Onn ini kepada orang ramai.

(Informan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Berdasarkan dapatan kajian juga pengkaji juga turut mendapati bahawa Galeri Dato Onn ini dibantu oleh Jabatan Pelancongan Negeri Johor melalui Yayasan Warisan Johor. Majlis Perbandaran Daerah Batu Pahat juga meletakkan Galeri Dato Onn ini sebagai salah satu destinasi pelancongan yang wajib dikunjungi ketika berada di Batu Pahat. Hasilnya semakin ramai pengunjung dari luar negeri Johor datang ke Galeri Dato Onn bagi mengetahui akan tokoh sejarahwan negara iaitu Dato Onn Jaafar dalam usaha mendapatkan kemerdekaan tanah Melayu.

4.3.2 Peluang

A) Sebagai pusat maklumat sejarah.

Galeri Dato Onn yang menjadi institusi pendidikan tidak formal ini secara tidak langsung juga merupakan pusat rujukan berkaitan dengan tokoh dan sejarah tempatan. Untuk pengetahuan umum, semasa perang dunia kedua kawasan di daerah Batu Pahat khususnya di Parit Sulong adalah kawasan pertempuran di antara tentera-tentera bersekutu seperti Mesir dan Australia.

(Informan 1, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Pengkaji juga turut mendapati bahawa di kawasan Parit Sulong mempunyai bangunan-bangunan lama yang menjadi tempat memorial bagi tentera-tentera bersekutu semasa perperangan dunia kedua. Oleh disebabkan itu, waris-waris keturunan mereka setiap tahun akan melawati kawasan memorial tersebut di Parit Sulong dan secara tidak langsung akan melawati Galeri Dato Onn ini. Oleh disebabkan itu, pihak pengurusan Galeri Dato Onn sememangnya akan memberikan tumpuan bukan sahaja kepada pelancong dalam negara malah luar negara. Keadaan ini juga merupakan salah satu cabaran Galeri Dato Onn dalam menjadi sebuah institusi pendidikan tidak formal yang dikenali ramai.

Seterusnya, maklumat-maklumat bersejarah yang dipamerkan di Galeri Dato Onn ini sememangnya merupakan salah satu langkah yang perlu diambil bagi menarik minat pelajar-pelajar sekolah, mahasiswa/mahasiswi Institusi Pendidikan Tinggi yang ada di Batu Pahat untuk menjadikan Galeri Dato Onn ini sebagai pusat maklumat dan sumber rujukan mereka. Pusat maklumat dan sumber rujukan ini amatlah penting kepada masyarakat setempat yang tinggal di sekitar daerah Batu Pahat. Hal dikatakan demikian, kerana maklumat dan info yang dimiliki ini dapat membantu mereka dalam menyiapkan tugas-tugasan sejarah dan sebagainya. Dalam Teori Watkins dan Marsick juga ada menyatakan bahawa pembelajaran tidak formal berkait rapat dengan pembelajaran lain bukan sahaja sejarah semata-mata. Hal ini dikatakan kerana muzium dan galeri di Malaysia juga mempunyai pelbagai kategori seperti muzium seni, muzium zoologi, muzium sejarah dan muzium sains. Oleh itu, jelaslah disini bahawa muzium dan galeri adalah satu bentuk pembelajaran yang memberikan ilmu pengetahuan luas kepada pengunjung dan pengalaman.

C) Proses perolehan yang fleksibel melalui pinjaman/pertukaran

Pengkaji, juga mendapati bahawa terdapat berlakunya proses pertukaran koleksi bersama dengan muzium lain di negeri Johor. Pertukaran koleksi ini biasanya hendaklah mendapat persetujuan daripada Yayasan Warisan Johor. Yang mana pihak pengurusan

Galeri Dato Onn hendaklah mengemukakan surat pemohonan daripada Yayasan Warisan Johor terlebih dahulu sebelum proses pertukaran ini berlaku.

Pihak Galeri Dato Onn pernah menjalankan pertukaran koleksi dan barang artifak bersejarah bersama Muzium Kota Tinggi. Kelebihan Muzium Kota tinggi yang banyak menempatkan senjata-senjata lama seperti keris, golok, dan sebagainya dapat dipinjam dan dibawa ke Galeri Dato Onn. Hal ini adalah bagi bertujuan untuk mengadakan pameran berkala atau pameran sementara yang dijalankan di Galeri Dato Onn

(Informan 1 dan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Berdasarkan petikan diatas, jelas disini pihak pengurusan Galeri Dato Onn dapat mengadakan promosi berkaitan senjata di galeri ini. Proses pertukaran ini sedikit sebanyak dapat membuka ruang dan peluang pihak galeri dan orang ramai bersama-sama berkongsi info dan maklumat berkenaan senjata tradisional masyarakat melayu.

4.3.3 Kelemahan

- A) Kedudukan lokasi yang akan kedalam dari Jalan Utama.

Kedudukan Galeri Dato Onn yang agak kedalaman dari Jalan Utama sememangnya merupakan satu cabaran dan halangan bagi pihak pengurusan galeri untuk menarik masyarakat awam disekitar daerah Batu Pahat untuk hadir ke Galeri Dato Onn ini. Oleh itu, pihak pengurusan Galeri Dato Onn telah mengambil langkah inisiatif untuk membuat permohonan dengan Jabatan Kerja Raya daerah untuk mendapatkan kelulusan pemasangan papan tanda dari Pihak Jabatan Kerja Raya.

(Informan 1 dan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Pengkaji mendapati juga langkah tersebut tidak berhasil. Pihak pengurusan Galeri Dato Onn juga telah meneruskan usaha dengan memasang sendiri papan tanda di sekitar kawasan Galeri Dato Onn sehingga di sekitar jalan Utama pintu masuk ke Galeri Dato Onn. Peruntukan yang diberikan oleh Yayasan Warisan Johor untuk memasang Papan Tanda

ini telah memudahkan Galeri Dato Onn dikenali oleh orang awam. Pengkaji merasakan kedudukan lokasi ini sememangnya menjadi cabaran utama Galeri Dato Onn sebagai institusi pendidikan tidak formal di daerah Batu Pahat. Meskipun penggunaan aplikasi seperti google maps dan waze banyak membantu orang ramai untuk ke Galeri Dato Onn namun keadaan ini kadang-kadang tidak menunjukkan arah yang betul untuk ke lokasi yang ingin dituju.

B) Masalah dari segi kemudahan fasiliti.

Berdasarkan pemerhatian, Galeri Dato Onn kekurangan untuk menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai. Antara contoh perkhidmatan yang kurang adalah seperti tidak mempunyai laluan berkerusi roda bagi orang kelainan upaya (OKU). Bangunan Galeri Dato Onn ini adalah bangunan asal yang didirikan oleh pihak pemerintahan kolonial British. Hal ini diperkuuhkan lagi dengan daptan kajian pengkaji bersama informan.

Bagi menjaga dan memulihara keaslian bangunan ini, Pihak Yayasan Warisan Johor dan Galeri Dato Onn tidak membuat sebarang bentuk pengubahsuai bangunan melainkan membaiki struktur bangunan yang telah rosak. Oleh disebabkan, laluan untuk orang kelainan upaya tidak disediakan.

(Informan 1 dan 2, Kajian Lapangan 7 Disember 2022)

Oleh disebabkan, laluan untuk orang kelainan upaya tidak disediakan, pihak Galeri Dato Onn telah mengambil langkah yang proaktif dengan membeli mobile ram. Tujuan pembelian mobile ram ini adalah untuk mengangkat kerusi roda masuk ke dalam ruang pameran Galeri Dato Onn dan memudahkan pergerakan mereka.

Seterusnya contoh lain kekurangan perkhidmatan yang disediakan adalah seperti kekurangan tempat parking kenderaan seperti bas dan kereta dan kemudahan untuk berjalan kaki bagi para pengunjung. Menurut informen, "kedudukan Galeri dato Onn yang agak kedalam sedikit dari jalan utama telah menyukarkan kenderaan seperti bas dan kereta

untuk memasuki ke Galeri Dato Onn ditambah pula, laluan masuk ke dalam yang agak sempit dan kecil". Kemudahan untuk parking kenderaan juga merupakan cabaran utama oleh pihak Galeri Dato Onn dalam menjadi sebuah institusi pendidikan tidak formal. Keadaan ini telah menyebabkan para pengunjung yang hadir menaiki bas seperti lawatan pelajar sekolah dan institusi pendidikan tinggi juga terpaksa berjalan kaki dari Jalan besar ke pintu masuk Galeri.



Gambar 4.3.3 (a) : Kawasan di luar Galeri Dato Onn dengan landskap tanaman tumbuh-tumbuhan

Sumber : Kajian Lapangan, 2022

4.3.4 Ancaman

A) Masalah Keselamatan

Menurut Informan, beliau menyatakan bahawa "oleh kerana kedudukan Galeri Dato Onn ini yang agak kedalam dan di pinggir bandar Batu Pahat itu keselamatan amatlah perlu dititikberatkan oleh pihak pengurusan Galeri Dato Onn". Pengkaji juga membuat kebarangkalian galeri ini untuk dipecah masuk adalah sangat tinggi ditambah pula, dalam Galeri Dato Onn mengandungi koleksi-koleksi artifak, dan barang-barang bersejarah yang berharga. Meskipun pada era kecanggihan teknologi moden kini. Namun, masyarakat di

sekitar daerah Batu Pahat masih lagi belum mengetahui akan kewujudan Galeri Dato Onn. Oleh kerana itu, masyarakat yang tinggal di Batu Pahat sendiri masih ramai yang belum mengunjungi Galeri Dato Onn ini. Keadaan ini membuatkan suasana di Galeri suram tanpa kehadiran pengunjung pada masa-masa tertentu. Hal ini sedikit sebanyak potensi untuk Galeri Dato Onn ini untuk dipecah masuk adalah tinggi.

B) Masalah hidupan liar.

Pengkaji mendapati, kedudukan Galeri Dato Onn ini berada di kaki Bukit Soga, yang dikeliling dengan tumbuh-tumbuhan hutan dan masih dijaga oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Kawasan sekeliling Galeri Dato Onn yang dikeliling dengan hutan dan pokok-pokok besar merupakan kawasan habitat bagi haiwan hidupan liar seperti monyet, lotong, ker, babi, dan sebagainya mudah untuk dilihat di Galeri Dato Onn ini. Menurut informen pertama dan kedua, ada menyatakan “Hidupan liar seperti monyet akan keluar dari hutan menuju ke kawasan hadapan dan laluan utama mereka adalah melalui di Galeri Dato Onn”. Berdasarkan petikan informan ini pengkaji mendapati bahawa pada waktu pagi haiwan seperti monyet dan kera akan keluar dari Hutan menuju ke hadapan untuk mencari makan dengan menjadi laluan utama mereka ialah di Galeri Dato Onn ini.

Pada waktu petang pula, hidupan liar ini akan pulang ke habitat asal di hutan. Mereka akan melalui laluan yang sama yaitu melintasi kawasan Galeri Dato Onn. Oleh kerana itu, pihak pengurusan Galeri Dato Onn merasakan kebimbangan dan kekhawatiran kepada para pengunjung terutamanya kepada pengunjung berkeluarga yang membawa anak-anak kecil dan kanak-kanak. Risiko untuk hidupan liar seperti monyet dan kera mengejar dan mengancam keselamatan pengunjung adalah tinggi dan berbahaya. Hal ini juga, menjadi punca mengapa ibu bapa kurang memilih Galeri Dato Onn ini sebagai destinasi untuk melakukan aktiviti riadah pada hujung minggu dan musim cuti sekolah.

4.4 Penutup

Konklusinya, bab ini telah menerangkan hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Di dalam Bab ini juga pengkaji telah merumuskan objektif kajian dan pengkaji dengan hasil dapatan kajian daripada temubual bersama informan. Objektif yang dikupas oleh pengkaji adalah berkaitan dengan organisasi pengurusan Galeri Dato Onn yang menjadi penggerak kepada sistem pentadbiran. Seterusnya adalah peranan galeri sebagai Institusi pendidikan tidak formal iaitu menjadi sumber rujukan sejarah bagi masyarakat setempat. Selain itu, pengkaji turut menerangkan cabaran yang dihadapi oleh Galeri Dato Onn untuk menjadi institusi pendidikan tidak formal baik dari segi luaran dan dalam. Hasil temubual yang telah diperolehi daripada informan ini dapat dijadikan bahan dalam penghasilan kajian penulisan pengkaji.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan mengenai cadangan dan kesimpulan yang dilaksanakan mengikut kepada keseluruhan penyelidikan berkenaan dengan peranan Galeri Dato Onn sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal di daerah Batu Pahat. Kajian yang dijalankan ini telah banyak memberikan peluang dan ruang kepada pengkaji dalam mempelajari akan kaedah-kaedah yang perlu digunakan untuk memperolehi maklumat tepat dan sahih. Kajian penyelidikan ini sememangnya telah menjawab keseluruhan permasalahan kajian, menjawab persoalan kajian dan juga mencapai kesemua objektif kajian.

5.1 Cadangan

5.1.1 Meningkatkan penggunaan teknologi moden seperti media sosial.

Pihak institusi iaitu pihak pengurusan Galeri Dato Onn dan juga Yayasan Warisan Johor hendaklah memainkan peranan yang lebih luas lagi dalam mengetengahkan penggunaan teknologi moden seperti media sosial. Proses untuk meningkatkan penggunaan teknologi moden ini merupakan salah satu langkah yang perlu diambil berat oleh pihak pengurusan Galeri Dato Onn. Pekara ini dikatakan demikian kerana, penggunaan teknologi moden seperti media sosial iaitu facebook, youtube, tiktok, dan sebagainya memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan Galeri Dato Onn kepada khalayak ramai. Masyarakat kini lebih menumpukan kepada penggunaan gadjet seperti telefon, laptop, ipad, dan sebagainya untuk melayari aplikasi tiktok, youtube, google, facebook bagi memperolehi maklumat dengan lebih mudah dan pantas. Oleh itu, dengan memastikan penggunaan teknologi ini digunakan beberapa langkah perlu diambil oleh pihak Galeri dalam mempromosikan Galeri Dato Onn kepada orang awam.

Antaranya memberikan maklumat yang lebih tepat dan sahih dengan lebih terperinci di dalam laman web rasmi Yayasan Warisan Johor dan Galeri Dato Onn. Proses mengemaskini ini adalah bertujuan untuk penambahbaikan maklumat sedia ada. Hal ini bertujuan untuk memudahkan orang awam bagi mencari maklumat dan info penting dengan lebih mudah. Cabaran dan halangan yang terbesar dalam mempromosikan, Galeri Dato Onn ini seharusnya diatasi dengan lebih proaktif dan bijaksana. Kedudukan galeri adalah salah satu punca utama masalah dalam menarik minat orang ramai ke Galeri Dato Onn. Oleh itu, dengan mempromosikan Galeri Dato Onn ke dalam media sosial seperti youtube, google, tiktok, instragram, facebook dan sebagainya ianya dapat meningkatkan jumlah kehadiran pengunjung baik dalam negara maupun luar negara.

5.1.2 Mengusulkan cadangan penambahan kakitangan Galeri Dato Onn khususnya pada bahagian konservasi koleksi dalam usaha ke arah institusi pendidikan tidak formal yang lebih efisen.

Kerajaan negeri Johor dibawah pihak institusi iaitu Yayasan Warisan Johor seharusnya memainkan peranan dalam membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat bagi pengambilan pekerja dalam bahagian pengurusan dan konservasi. Untuk pengetahuan umum, di Galeri dato Onn sahaja mempunyai dua orang pekerja iaitu pembantu muzium dan penjaga muzium. Oleh itu, kesemua bidang tugas kurator yang seharusnya ada di Galeri Dato Onn ini dijalankan oleh pembantu muzium dan penjaga muzium dalam bahagian pengurusan dan pentadbiran. Keadaan ini sedikit sebanyak menyukarkan pengurusan Galeri Dato Onn ini dengan yang lebih efisen.

Pengambilan pekerja dalam bahagian kurator dan konsevator secara terbuka ini adalah langkah yang tepat bagi Yayasan Warisan Johor untuk memastikan pengurusan dan pentadbiran di bahagian pemuzuman berjalan dan lebih efisen. Dengan adanya kurator di Galeri Dato Onn ianya sedikit sebanyak dapat meningkatkan lagi kecekapan pengurusan dan pentadbiran dalam galeri. Penjagaan koleksi dan konservasi objek adalah

tugas utama yang harus ditekankan oleh kurator di Galeri Dato Onn bagi memastikan koleksi barang-barang yang ada ini dapat dipamerkan ke orang ramai dalam keadaan yang baik dan tidak rosak. Jelaslah disini, bahawa cadangan untuk penambahan kakitangan di Galeri Dato Onn ini sememangnya memberikan impak yang besar kepada pengurusan galeri. Bukan itu sahaja ianya juga mampu menarik minat orang ramai khususnya yang tinggal di daerah Batu Pahat untuk hadir sendiri ke galeri.

5.2 Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji telah menjawab keseluruhan persoalan kajian, mencapai objektif kajian, merungkai segala permasalahan yang terdapat dalam kajian ini. Dapat disimpulkan disini bahawa pengurusan dan pentabiran yang lebih efisen di Galeri Dato Onn ini merupakan perkara penting bagi setiap galeri dan perkara ini tidak boleh dipandang rendah oleh pihak galeri. Pelbagai usaha dan cadangan perlu dilaksanakan oleh pihak pengurusan Galeri Dato Onn dalam usaha menjadi institusi pendidikan tidak formal di Malaysia khususnya masyarakat yang tinggal di daerah Batu Pahat, Johor.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

- Abdul Talib, N.S., Abdul Ghani, K. and Yusuff, A. (2019) "Kaedah Pembelajaran Sejarah Berasaskan Lawatan Ke Muzium History Learning Method Based on Museum Visits," *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(June), pp. 45–57.
- Ahmad (2019) "KESEDARAN MUZUIM BARU DI MALAYSIA," *Ahmad Farid Abd Jalal Abdullah Yusuf Ahmad Faisal Abd Hamid Rahimin Affandi Abd Rahim*, 45(45), pp. 95–98.
- Ang Kean Hua (2016) "Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan : Satu Kajian Kes Abstrak Introduction to," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), pp. 17–24.
- Arkhailogia, J.B. et al. (2018) "Melestarikan Pengurusan dan Institusi Pemuziuman Borneo: Pengalaman Sarawak Nur Auni Ugong, 1 Bilcher Bala 2 & Baszley Bee Basrah Bee 3," 3(2), pp. 73–103.
- Brahim, R.B. (2011) "MUZIUM TEKSTIL SARA WAK (MTS) RABUY AH BINTI BRAHIM Tesis ini disediakan dan dise ..." Dacholfany, M.I. (2018) "PENDIDIKAN TIDAK FORMAL," *Jurnal Tapis*, Vol. 02(No. 1 Januari-Juni), p. Hal.45.
- Halim, U. (2011) "Penglibatan Digital : Akses dan Penggunaan E-Agama PENGLIBATAN DIGITAL : AKSES DAN PENGGUNAAN E-AGAMA DALAM," *Malaysian Journal of Communication*, 27(2), pp. 121–135.
- Hashim, S. and Senik, M.S. (1997) "Penubuhan Muzium Sejarah Semulajadi di Malaysia : Isu dan Cabaran Pengenalan," *sarina Hashim*, pp. 61–72.
- Hidayah, A. and Yuszaidy, Y. (2017) "Peranan Galeri Sultan Azlan Shah Sebagai Pendidikan Tidak Formal Galeri Sultan Azlan Shah Role As Informal Education," *JURNAL WACANA SARJANA Jilid*, 1(1), pp. 1–13.
- Maliki Malang (2011) "Metode Pengumpulan Data Penelitian Kualitatif," pp. 1–4.
- Moshinsky, M. (1959) "Perkembangan muzium di Malaysia," *Nucl. Phys.*, 13(1), pp. 104–116.

- Nurdiani, N. (2014) "Teknik Sampling Snowball dalam Penelitian Lapangan," *ComTech: Computer, Mathematics and Engineering Applications*, 5(2), p. 1110. doi:10.21512/comtech.v5i2.2427.
- Zaini, M.S. et al. (2022) "Development of European Museum Institutions in Affecting the Existence of Museums in Malaysia," *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 7(29), pp. 260–280. doi:10.35631/jthem.729018.
- Aziz, I.N. (2016) "Faktor-faktor yang mempengaruhi kedatangan pengunjung ke muzium sabah," pp. 1–24.
- Hamzah, F. and Utomo, E.T. (2016) "Sapta Pesona pada Museum Mandala Wangsit Siliwangi Kota Implementasi Bandung," *Jurnal Pariwisata*, III(2), pp. 118–128.
- Haniffa, M.A. (2016) "Kompromi Politik Dato' Onn Jaafar dalam Menangani Konflik Perkauman Selepas Pendudukan Jepun di Tanah Melayu," *Perspektif*, 8(1), pp 2462–2435.
- Hutagulung, M.A.K. (2016) "Analisa Pembiayaan Gadai Emas Di Pt. Bank Syari'Ah Mandiri Kcp Setia Budi," *Jurnal Al-Qasd*, 1, p. 117.
- Idris, M. et al. (2019) "Kualiti Kerja dalam Organisasi: Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam," *International Journal of Islamic Thought*, 15(1), pp. 60–70. doi:10.24035/ijit.15.2019.006.
- Jasmi, K.A. (2012) "Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif," *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 [Preprint]*, (January 2012).
- LEE, I. and SANDAI, R. (2020) "Ciri Dan Maksud Hiperbola (Jaku Kelangkung) Lirik Dalam Lagu Pop Iban [Hyperbole (Jaku Kelangkung) and Characteristics and Meanings in Lyric of Iban Pop Songs]," *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(4), pp. 175–184. doi:10.33306/mjssh/106.
- SITI NURUL AIN (2022) "Kajian Terhadap Pengurusan muzium ketika Pandemik Covid 19 di Muzium Negara Malaysia."

Sobirin, A. (2014) "Organisasi dan Perilaku Organisasi," *Budaya Organisasi, Pengertian, Makna dan Aplikasinya*, pp. 1–72.

Yayasan Warisan Johor (2019) "GALERI DATO ONN, BATU PAHAT, JOHOR."

Yusof, Mohd Azmi bin Mohd, M.F.S.M.Y. (2012) "Muzium Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal Dalam Proses Pembelajaran & Pengajaran Subjek Sejarah," p. 1.

Orang Sumber

Encik Noor Suriya Bin Mohd Rahim, Pembantu Muzium (Bahagian pentadbiran dan pengurusan) Galeri Dato Onn, Batu Pahat, Johor.

Encik Mohd Shaiful Bin Mohd Nor, Penjaga Muzium (Bahagian pameran koleksi) Galeri Dato Onn, Batu Pahat, Johor.

APPENDIX A**LAMPIRAN**


Gambar 1 : Temubual bersama informan 1, Encik Noor Suriya Bin Mohd Rahim

Sumber : Kajian Lapangan, 2022



Gambar 2 : Temubual bersama informan 2, Encik Mohd Shaiful Bin Mohd Nor.

Sumber : Kajian Lapangan, 2022



Gambar 3 : Kehadiran pengunjung ke Galeri Dato Onn semasa sesi
tembual dijalankan

Sumber : Kajian Lapangan, 2022

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

APPENDIX B



Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Faculty of Creative Technology and Heritage

UMK.A02.600-4/7/4 JILID 3 (46)
RUJ. KAMI (Our Ref.) : 19 SEPTEMBER 2022

TARIKH (Date) :

Galeri Dato Onn
Jln Dato Mohd. Shah
Gunong Soga, 83000 Batu Pahat, Johor
83000 Batu Pahat
Johor Darul Takzim

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pelajar di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan I (CFT 3124). Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. K/P	Program
1	Muhamad Ghazali Bin Mahat	C19A0252	990712016437	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan.

Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA TS. DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

LATAR BELAKANG INFORMAN

Informan 1

Nama Informan	Noor Suriya Bin Mohd Rahim
Peranan/Jawatan	Pembantu Muzium (S19)
Tarikh/Hari Temubual	7 Disember 2022
Masa Temubual	9.45 - 12.00 Pagi
Lokasi	Galeri Dato Onn, Batu Pahat, Johor

Informan 2

Nama Informan	Mohd Shaiful Bin Mohd Nor
Peranan/Jawatan	Penjaga Muzium (Ap11)
Tarikh/Hari Temubual	7 Disember 2022
Masa Temubual	2.00 – 3.50 Pagi
Lokasi	Galeri Dato Onn, Batu Pahat, Johor

Transkrip Temubual

1. Pengurusan Organisasi Galeri Dato Onn

a) Sejarah awal kewujudan Galeri Dato Onn.

Informan 1	Pada tahun 2006 perdana menteri iaitu Pak Lah turun ke Batu pahat untuk program mengingati UMNO yang ke 60 tahun, jadi menteri besar johor pada ketika itu Dato Abdul Ghani Othman, mencadangkan kepada Perdana Menteri ada satu tempat sejarah yang boleh dinaikkan, Sedia maklum pada waktu tu, di Batu Pahat tak ada satu pusat tumpuan bagi orang di sekitar Batu Pahat mahupun luar Johor untuk mendapatkan maklumat
------------	---

	berkaitan sejarah Batu Pahat. Jadi idea menteri besar johor untuk mewujudkan satu tempat sejarah di Batu Pahat terlaksana apabila bangunan ini dijadikan galeri, Sebab bangunan ini pernah dijadikan rumah kediaman Dato Onn Jaafar.
informan 2	Okey, sebenarnya jadi Galeri Dato Onn ini bangunannya telah dibina pada tahun 1938 dengan kos binaan pada masa itu sebanyak RM15,500, sebenarnya bangunan ini terletak di JKR 525 Jalan Dato Muhammad Shah dan juga Batu Pahat Johor.

b) Struktur Organisasi Yayasan Warisan Johor.

Informan 1	Untuk maklumat bahagian pemuziuman di Yayasan Warisan Johor ditawarkan untuk mentadbir tiga muzium dan tiga galeri yang mana muzium itu terdiri dariapada Muzium Kota tinggi, Muzium Mersing dan Muzium Tokoh di Johor Bahru. Tiga galeri dua galeri di Johor Bahru iaitu Galeri Seni dan Galeri Tenun Johor,dan Galeri Dato Onn itu antara unit yang ditabir bahagian pemuziuman.
Informan 2	Biasanya kalau macam kurator tu dia orang akan duduk di ibu pejabat skop bidang tugas kurator itu lain dia tak sama macam saya dan Encik Suriya malam kalau macam kurator itu dia macam ketua unit lah. Macam dulu di Galeri Dato Onn ini ada seorang kurator nama dia Puan Noraini tapi kini beliau telah dipindahkan ke ibu pejabat Yayasan Warisan Johor. Jadi Di Sini tidak ada kurator cuma ada pembantu muzium dan penjaga muzium.

c) Transisi fungsi galeri.

Informan 1	Bila bangunan ini diserahkan kepada YWJ dan 2007 dijadikan sebagai satu bangunan memorial dalam waktu dalam proses pengisian bangunan di bahagian pameran mengalami kebakaran namun ianya tidak musnah secara keseluruhan dalam 40% bangunan utama mengalami kebakaran. Jadi terpaksa dibentikkan proses pengwujudan. Maksudnya proses dalam menwujudkan memorial dato onn pada akhir tahun 2007. Yang mana nama galeri dato Onn itu hanya mengfokuskan kepada tokoh itu dato onn itu sendiri tapi di YWJ mengambil peranan untuk membesarkan peranan galeri dato onn bukan hanya menerangkan tokoh tetapi menerangkan maklumat berkaitan dengan sejarah Daerah Batu Pahat. Jadi nama momorial itu ditukar kepada galeri. Tapi fokus utama galeri Dato onn ini adalah kepada tokoh itu sendiri tapi kita juga memberi maklumat tambahan berkaitan sejarah Batu Pahat
Informan 2	Macam kita di yayasan warisan masa dua ni akan terima peruntukan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri peruntukkan itu akan diagih-agihkan lah kepada muzium muzium dan galeri. Galeri biasanya kita akan gunapakai peruntukkan tersebut untuk pembangunan muzium itu sendiri

2. Peranan galeri sebagai Institusi pendidikan tidak formal

a) Definisi Institusi Pendidikan tidak formal

Informan 1	Ya betul, tapi berbeza dengan kalau aku minat cari gali takkan kita terus masuk, jadi kita perlu belajar dulu dan bekerja dahulu
------------	--

	<p>jadi itu, yang dimaksudkan dengan pendidikan tidak formal. Muzium itu sendiri pendidikan tidak formal tapi sebenarnya dia formal tapi dia bukan dalam skop pendidikan yang wajib.</p>
--	--

b) Aktiviti program yang pernah dijalankan di Galeri Dato Onn.

Informan 1	Kita ambil inisiatif sebab kedudukan Galeri Dato Onn ini berada di Batu Pahat kita tengok mana daerah-daerah yang berhampiran dengan batu pahat jadi kita pilih. Kita ikut fasa setahun kita adakan tiga fasa tiga bulan sekali yang mana contoh fasa satu 3 bulan yang pertama kita pilih sekolah2 di Batu Pahat, Fasa 2 kita berpindah ke daerah Muar, dan fasa terakhir di daerah Kluang
Informan 2	Contoh program yang pernah kita buat dekat sini program aktiviti gotong-royong di aktiviti gotong-royong yang membersihkan kawasan Galeri ini tanam tanam pokok.

c) Sebagai pusat sumber rujukan dan panduan kepada masyarakat setempat.

Informan 1	Jadi di sekolah itu sebenarnya memang dah ada galeri bila sekolah itu dipilih jadi dia meminta pandangan dari galeri dato onn untuk menambah baik input2 yang mana dia tahu galeri dato onn ni kor dia bdalam bidang muzium.
Informan 2	Bantulah macam contoh sebelum ini ada pelajar sekolah yang nak buat kerja kursus sekolah menengah Kalau tak siap saya buat tentang sejarah bangunan jadinya Bila dia datang ke sini di peringkat kita kita ada bahan bila kita ada bahan kita sediakan bahan kita bagi kepada pelajar tersebut yang kita buat macam tulah.

3. Cabaran Galeri dalam menjadi pendidikan tidak formal

a) Kekuatan

Informan 1	Kekuatan kenapa wujudnya galeri dato onn ini adalah kerana bangunan ini bangunan bersejarah, selain daripada itu, tumpuan pengunjung daripada orang luar khususnya orang luar johor sebab apa bila orang luar johor datang ke negeri Johor ke daerah Batu Pahat dia tidak tahu apa-apa orang kata cerita tempat itu. Jadi kekuatan sejarah Batu Pahat itu terletak di Galeri Dato Onn.
Informan 2	Di Galeri Dato Onn ini koleksi-koleksi dia banyak ditempatkan dalam Almari lepastu dan dalam Almari pun kita letak pencahayaan.

b) Peluang

Informan 1	Selain daripada itu dari segi peluang pula, kita taksifkan bahawa Galeri Dato Onn ini sebagai pusat informasi berkaitan tokoh dan juga berkaitan sejarah tempatan. Yang kita cerita tadi. Kita ambil peluang itu, wujudnya Galeri Dato Onn sebab kita nak sampaikan maklumat berkaitan riwayat hidup tokoh dan juga sejarah daerah Batu Pahat.
Informan 2	Ada kita juga ada buat pertukaran koleksi dengan muzium dan galeri yang ada di negeri Johor contohnya seperti di yayasan Ini ada satu unit yang akan menjaga koleksi-koleksi dekat situ memang tempat penempatan. Koleksi-koleksi artifak di bahagian Jabatan Pemuziuman Yayasan Warisan Johor.

c) Kelemahan

Informan 1	Selain daripada itu, kalau sebelum ini kita tidak ada papan tanda jalan di jalan utama, memang tak ada bukan apa kita sudah pun memohon dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah tapi tak dapat maklum balas jadi kita ambil inisiatif kita buat sendiri
Informan 2	Cabarannya yang kita hadapi memang ada pun sebab apa lokasi tempat ini jauh daripada laluan utama jadi orang pun tak nampak lebih-lebih lagi orang luar bila dia datang kat sini. Kalau dia tak datang gunakan waze atau maps memang mereka tidak akan jumpalah tempat ini agak ke dalam sedikit.

d) Ancaman

Informan 1	Galeri Dato Onn ini tidak ada laluan khas untuk Orang Kelainan Upaya (OKU), disebabkan kedudukan bangunan ini sendiri dia rumah. Contoh dia memang asalnya begitu. Contoh kalau muzium baru di ada sebab dia baru dibina kita cari perancangan. Jadi galeri ini asalnya rumah, rumah mana ada laluan bukan kita ambil inisiatif untuk mewujudkan sebab bangunan ini bangunan bersejarah.
Informan 2	Dari segi keselamatan adalah kawasan dalam galeri dia ada artifak, barang-barang berharga jadi kebarangkalian untuk dipecah masuk itu agak tinggi. Selain daripada itu, kewujudan galeri Dato Onn ini kurang diketahui oleh masyarakat kadang-kadang orang Batu Pahat sendiri pun tidak tahu kewujudan Galeri Dato Onn.